

# **PARLIMEN**

# **MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan  
Jawab Lisan Harian Yang Tidak  
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARIRABU: 31 MAC 2010**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

**c**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 12,14 HINGGA 71 )**

**NOT A: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11 DAN 13**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SIDEK  
CAW.  
PERUNDANGAN  
PARLIMEN  
MALAYSIA

**Soalan No: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD A                    TUAN SIM TONG HIM ( KOTA MELAKA)**

**PERTANYAAN**

**TARIKH                          MULUT**  
**3.2010                          31.0**

**SOALAN NO                      12**

**Tuan Sim Tong Him ( Kota Melaka )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak Bandaraya Melaka diisytiharkan sebagai satu Bandaraya Warisan Dunia, usaha-usaha Kementerian untuk membantu Kerajaan Negeri mempertahankan kedudukan ini

- (a) dengan terperinci sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri atau agensinya; dan
- (b) bagaimanakah dengan kawalan semua perlaksanaan dan pembangunan oleh Kementerian dibuat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM30 juta telah disediakan untuk Tapak Warisan Dunia Melaka melalui

Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Peruntukan ini akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka secara berperingkat-peringkat berdasarkan pelaksanaan projek. Semua permohonan untuk mendapatkan peruntukan atau cadangan perbelanjaan perlu melalui Kerajaan Negeri Melaka. Sehingga ini peruntukan tersebut belum disalurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana maklumat lengkap berkaitan projek berkenaan belum dikemukakan kepada Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

(b) Berhubung dengan kawalan perlaksanaan dan pembangunan, sebuah jawatankuasa di peringkat pusat telah diwujudkan dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town, dipengerusi oleh YB. Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Di antara fungsi jawatankuasa ini adalah untuk memastikan keaslian dan integriti warisan yang meliputi warisan ketara seperti bangunan dan warisan tak ketara seperti perniagaan tradisi dan persembahan terus terpelihara, menyelaras sistem pemantauan, dan memastikan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemeliharaan keseluruhannya.

Di peringkat negeri pula, Jawatankuasa Pemuliharaan dan Pemugaran Negeri telah diwujudkan dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka dan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, sebuah Jawatankuasa Konservasi diwujudkan dipengerusikan oleh Datuk Bandar Melaka. Wakil Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan juga menganggotai kedua-dua jawatankuasa ini.

Perakara-perkara yang tidak dapat diselesaikan di peringkat negeri akan dirujuk ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town di peringkat pusat.

**SOALAN NO : 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PAD A                  TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**  
**[TELUK INTAN]**  
**TARIKH                  31 MAC 2010**  
**SOALAN**

**Tuan Manogaran A/L Marimuthu (Teluk Intan)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan banyak hospital swasta menyalahgunakan Kad Perubatan (Medical Card) di mana pesakit dikehendaki menjalankan ujian-ujian yang tidak perlu tetapi bertujuan untuk meningkatkan tuntutan insurans. Bagaimana Kementerian boleh mengatasi amalan hospital swasta dan doktor-doktor yang tidak beretika ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) tidak menerima sebarang aduan khusus mengenai penyalahgunaan Kad

Perubatan oleh hospital swasta bagi meningkatkan tuntutan insuran.

|

Kad Perubatan yang dikeluarkan oleh syarikat insuran atau organisasi jagaan yang diuruskan (MCO) adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh kedua-dua pihak ini untuk memudahkan pencarum mendapatkan rawatan perubatan tanpa wang tunai (*cashless*) di hospital swasta atau mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan. Prosedur penggunaan Kad Perubatan akan dikawal oleh kedua-dua pihak ini termasuklah jenis penyakit yang boleh dirawat, kaedah-kaedah rawatan perubatan yang diliputi oleh pakej insuran serta ujian-ujian yang dijalankan ke atas pesakit. Saringan serta pemantauan akan dibuat terhadap setiap tuntutan bagi rawatan perubatan yang dijalankan ke atas pesakit dan pihak syarikat insuran atau MCO berhak untuk enggan daripada membayar balik (*reimburse*) sepenuhnya atau sebahagian daripada tuntutan yang dibuat sekiranya terdapat sebarang penyalahgunaan.

Di pihak Kementerian pula, bagi mengatasi amalan menyalahgunakan Kad Perubatan di kalangan pihak hospital swasta dan pengamal perubatan, pendekatan akan diambil bagi memastikan berikut:

1. Pihak hospital swasta dan pengamal perubatan swasta perlu mematuhi Jadual Fi kepada peraturan-peraturan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang diperuntukkan

di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang mengawal serta memantau fi profesional yang akan dikenakan oleh pengamal perubatan terhadap pesakit. Pihak hospital swasta juga



dikehendaki untuk menyediakan dasar bertulis mengenai kuantum fi yang akan dikenakan ke atas pesakit berdasarkan Jadual Fi tersebut.

2. Pihak Jawatankuasa Penasihat Perubatan bagi hospital swasta menjalankan peranan sebagai penasihat kepada pihak hospital swasta tentang semua aspek yang berhubungan dengan amalan perubatan termasuk perkara-perkara berhubungan dengan penyalahgunaan Kad Perubatan dan cara-cara mengatasinya.
3. Tindakan di bawah Akta Perubatan 1971 juga boleh diambil ke atas pengamal perubatan swasta yang menyalahgunakan kad perubatan termasuk mengenakan fi yang tidak berpatutkan ke atas pesakit kerana melanggar Kod Tatalaku Profesional (*Code of Professional Conduct*) pengamal perubatan.

SOALAN NO: &

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A**

**TUAN DING KUONG HUNG**

[SARIKEI]

**TARIKH**

**31 Mac 2010**

**SOALAN**

**TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian menambah baik sepanjang lebuh raya dari sempadan Betong-Sarikei ke Simpang Jalan bulat, Sarikei sejauh 17.5 kilometer yang bengkang-bengkok telah mengundang banyak kes kemalangan yang serius. Jika tidak, apakah faktor-faktornya dan nyatakan juga anggaran kos penambahbaikan tersebut. Jika ya, nyatakan rancangannya.

|

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedar bahawa jalan utama dari Sempadan Betong-Sarikei ke Simpang Jalan Bulat, berada di dalam keadaan bengkang bengkok dan tidak memuaskan. Jalan ini telah di bina lebih dari 20 tahun yang lalu dan merupakan sebahagian daripada Jalanraya utama Sarawak (*First Trunk Road*) yang menghubungkan Kuching, Sarikei, Sibu, Bintulu, Sri Aman, Miri dan selanjutnya ke Brunei dan Sabah. Perancangan Kementerian adalah untuk meluruskan jalan berbengkang bengkok sepanjang 17.4km termasuk pembinaan 3 jambatan dari sempadan bahagian Betong/Sarikei sehingga persimpangan Jalan Repok/Jalan Bulat. Anggaran kos bagi kerja-kerja ini adalah didalam lingkungan RM85 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, didalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) terdapat pembaharuan dimana terdapat pecahan kepada 4 “Rolling Plan” yang mana projek akan disemak setiap 2 tahun. “Rolling Plan” pertama ialah dari tahun 2011-2012, “Rolling Plan” kedua dari 2012-2013, “Rolling Plan” ketiga dari 2013-2014 dan “Rolling Plan” keempat dari 2014-2015. Kementerian akan berusaha untuk memasukkan projek ini ke dalam “Rolling Plan” pertama bagi kerja-kerja awalan seperti rekabentuk dan “Rolling Plan” seterusnya bagi kerja-kerja pembinaan.

Soalan No : 16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)
TARIKH	31.03.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah kadar celik huruf di sekolah-sekolah rendah Malaysia mengikut negeri masing-masing dan juga bagi Tawau; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk menutup jurang kadar celik huruf di antara negeri Sabah yang paling miskin sekali berbanding negeri-negeri lain supaya dapat mencapai National Key Results Areas (NKRAs).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kadar celik huruf di sekolah-sekolah rendah di Malaysia berdasarkan peratusan pencapaian Program Pemulihan Khas Tahap Satu 2009 ialah 91.88 %. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2010 kerajaan melalui NKRA, telah memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi (LINUS). Melalui program ini sasaran kerajaan menjelang tahun 2012 seharusnya semua murid-murid normal selepas Tahun 3 dapat menguasai asas kemahiran 3M (menulis, membaca dan mengira) dengan baik. Usaha ini adalah sebahagian langkah Kerajaan mengatasi keciciran murid dalam sistem persekolahan. Rjm62

**NO. SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A**           **Y.B. DATUK SERIDR. FONG CHAN ONN**  
**[ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH**           **31 MAC 2010**

**SOALAN**

**Y.B. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk pertingkatkan peranan Petronas sebagai syarikat dan peneraju Kerajaan untuk memperkembangkan SME tempatan terutamanya sektor minyak dan gas. Apakah hasilnya perancangan tersebut.

**CADANGAN JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa membuka peluang kepada syarikat-syarikat tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk terlibat di dalam sektor minyak dan gas. Sehingga Januari 2010, sejumlah 2,581 syarikat telah memperolehi lesen dan berdaftar dengan PETRONAS.

Di antara program yang dilaksanakan oleh PETRONAS untuk membantu SME adalah melalui Program Pembangunan Usahawan (*Vendor Development Program - VDP*) yang diperkenalkan sejak tahun 1993. Program VDP ini telah berjaya melahirkan syarikat-syarikat yang berdaya saing dan berdaya tahan di dalam industri minyak dan gas.

PETRONAS juga menganjurkan program-program latihan seperti kemahiran perundingan (*negotiation skills*) dan kemahiran asas kewangan (*financial skills*) untuk membantu meningkatkan prestasi pengurusan,

produktiviti dan daya saing usahawan-usahawan tempatan. Di samping itu, PETRONAS juga mengambil bahagian secara aktif di dalam pelbagai pameran-pameran anjuran Kerajaan, seperti pameran Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) di Terengganu dan *Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia* (SME Corp. Malaysia). Penyertaan PETRONAS di dalam pameran-pameran ini antara lain bertujuan untuk mewujudkan jalinan dengan para usahawan yang berminat mendapatkan khidmat nasihat serta mengetahui secara lebih mendalam peluang-peluang perniagaan dalam sektor minyak dan gas. Bagi tujuan yang sama, PETRONAS juga membuka Pusat Perkhidmatan Seranta di Menara Berkembar PETRONAS bagi membantu syarikat SME yang berminat.

**Soalan No: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG )</b>
<b>PERTANYAAN</b>	<b>MULUT</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>
<b>SOALAN NO</b>	<b>18</b>

**Tuan Sim Tong Him ( Kota Melaka ) minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan maklumat sepenuhnya (full disclosure ) berkaitan penjualan saham Khazanah Nasional dalam syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) seperti TNB, PLUS Expressway Bhd, Malaysia Airports Bhd dan sebagainya kepada pihak ketiga. Ke manakah dana awam sebanyak RM3.1 bilion digunakan dan bagaimana dapat dibuktikan kepentingan para pencarum cukai tetap terpelihara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan ekuiti pegangan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dalam beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) baru-baru ini dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan kadar apungan (*liquidity*) serta *investability* saham- saham GLC terbabit. Ia dijangka dapat menarik minat serta penglibatan para pelabur swasta dan industri daripada dalam dan luar negara untuk

melabur dalam syarikat-syarikat ini khususnya dan bursa tempatan amnya. Beberapa transaksi terbaru yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Khazanah telah dilupuskan 5% pegangan dalam Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang melibatkan 55 juta saham pada harga RM3.30 sesaham, untuk memperoleh hasil kasar sebanyak RM 180.3 juta pada September 2009.
- Khazanah telah melupuskan 3.24% pegangan dalam PLUS Expressway Bhd (PLUS) yang melibatkan saham berjumlah 162.0 juta dengan nilai berjumlah RM518.0 juta di sepanjang tahun 2009.
- Khazanah telah melupuskan 2% pegangan dalam Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang melibatkan 86.75 juta saham pada harga RM8.10 sesaham, memperoleh hasil kasar sebanyak RM701.1 juta, pada Disember 2009.
- Terbaru, Khazanah telah melupuskan sebanyak 7.7% lagi pegangan dalam MAHB yang melibatkan 85.15 juta saham pada harga RM4.70 sesaham, memperoleh hasil kasar kira-kira RM400 juta, pada Mac 2010.

Secara keseluruhannya, sepanjang Tahun Kewangan 2009, Khazanah telah melaksanakan sejumlah lapan transaksi pelupusan yang menjana hasil tunai sebanyak RM3.108 bilion. Khazanah seterusnya menggunakan hasil daripada pelupusan tersebut untuk membayai pelaburan-pelaburan baru yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi serta menjadi pemangkin kepada pelaburan domestik termasuk di Iskandar Malaysia; pelaburan-pelaburan dalam

bidang riadah dan pelancongan; industri kreatif, teknologi dan telekomunikasi; kesihatan dan sains hayat; tenaga dan teknologi hijau; perkhidmatan kewangan Islam; pertanian; dan pendidikan.

Walau bagaimanapun, Khazanah sebagai syarikat pelaburan Kerajaan masih lagi mengekalkan pegangannya sebagai pemegang saham utama dalam syarikat-syarikat ini yang dianggap sebagai teras dan strategik kepada negara. Setakat 16 Mac 2010, Khazanah kekal sebagai pemegang saham terbesar syarikat-syarikat ini dengan memegang 60.0% kepentingan dalam MAHB, 35.73% dalam TNB dan 55.24% dalam PLUS.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT**      *t\h'*  
**PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN**  
**KEDUA BELAS (2010)**

**PERTANYAAN :**      **LISAN**

**DARIPADA**                  **Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM  
BIN OSMAN [ LIPIS ]**

**TARIKH**                  **31 MAC 2010**

**SOALAN**                  **19**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menggalakkan penyelidikan bahan alternatif kepada gula memandangkan gula merbahaya kepada kesihatan rakyat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa menggalakkan penyelidik-penyalidik di negara ini untuk membuat penyelidikan dalam pelbagai bidang termasuk juga mencari bahan alternatif pengganti gula melalui geran-geran MOSTI.

Melalui pembiayaan geran MOSTI seperti Science Fund ataupun Techno Fund, terdapat penyelidik yang membuat penyelidikan bagi menghasilkan

glucose/ maltodextrin daripada sagu melalui teknik bioprocess. Walau bagaimanapun, penggunaan teknik ini masih lagi di peringkat "optimization" dan belum dikomersilkan lagi.

Selain daripada sagu, MOSTI juga turut membiayai penyelidikan terhadap pokok Stevia (Rebaudiana). Aktiviti penyelidikan ini dikendalikan oleh Institut Agrobioteknologi Kebangsaan (ABI) dan MARDI. Penemuan awal penyelidikan tersebut mendapati bahawa;

- (i) Stevia di Malaysia memerlukan jangka masa siang/terang (day-light period) yang lebih panjang (2 jam lebih panjang) untuk memberi hasil yang lebih ekonomik;
- (ii) Hasil kandungan *compound* gula (stevioside dan rebaudioside A) dalam daun Stevia yang dikeluarkan di Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada yang di dapati di Kanada & negara lain ekoran dari tuaian awal yang terpaksa dilakukan sebaik sahaja pokok mula berbunga iaitu 2-3 bulan setelah ditanam. Dengan demikian, hasil bahan pemanis yang dapat dituai adalah rendah dan tidak ekonomik (Stevioside di Malaysia - 2 hingga 4.9%; berbanding 10% di Kanada); dan
- (iii) Tuaian dibuat 7 kali setahun di Malaysia melibatkan kos buruh yang lebih tinggi dari kos tuaian di Negara pengeluar "temperate" seperti China dan Kanada yang menuai hanya 1 kali setahun (iaitu dimusim panas).

Walau pun terdapat masalah-masalah yang tidak ekonomik untuk diusahakan secara komersii, ujian penanam stevia di atas tanah gambut di Pontian, Johor oleh pihak MARDI menunjukkan bahawa stevia boleh mengeluarkan hasil sebanyak 12 ton / ha / setahun daun kering (hasil tertinggi di Malaysia) - satu angka yang lebih kurang sama dengan hasil di China atau Kanada.

Sehubungan dengan itu, Institut Agro-Bioteknologi (ABI), agensi di bawah MOSTI telah bekerjasama dengan sebuah syarikat sedang menjalankan penyelidikan di Semenanjung dan Sabah dengan kerjasama MARDI dan Jabatan Pertanian Sabah untuk menilai 2 baka stevia baru yang berpotensi untuk mengeluarkan hasil yang ekonomik di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenalpasti baka stevia yang sesuai untuk ditanam di Negara ini; serta mensasarkan sistem ladang kontrak (contract farming) mengikut cara yang berjaya dilaksanakan di China.

Sistem perladangan ini juga akan menjamin daun stevia yang dibeli oleh Syarikat memenuhi piawaian dan keperluan kilang yang menghasilkan ekstrak bahan pemanis berkenaan (Reb A) berkualiti untuk pasaran global; di samping memberi pendapatan tambahan kepada petani.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN :** YB TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ] minta  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan

DARIPADA

- (a) apakah punca Wisma Putra

TARIKH

memanggil balik Wakil Tetap

SOALAN [20]

Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Arshad

DEWAN

pengundian pada mesyuarat IAEA di Vienna pada 27 November; dan

## RAKYAT

- (b) apakah rujukan atau arahan Wisma

**MALAYSIA**

Putra sebelum pengundian tersebut serta apakah pendirian Malaysia dalam IAEA.

## JAWAB LISAN

YB TU

**PERT** **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN** **LUAR**  
**NEGE**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA** **RI**  
**ANYA** menyatakan apakah sebab Duta Mohd Arshad  
**AN : DARI PADA** Manzoor Hussain dipecat sebagai Wakil Tetap  
**TARIKH** Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu di Vienna  
walaupun tindakan beliau adalah selaras dengan  
prinsip-prinsip Gerakan Negara-negara  
Berkecuali.

**SOALAN  
JAWAB LISAN**

**YB TUAN  
SIVARASA A/L  
K.RASIAH  
[SUBANG]**

**29 MAC 2010**

**YB TUAN  
SIVARASA A/L  
K.RASIAH  
[SUBANG]**  
minta **MENTERI**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LiSAN**

**PERTANYAAN :      N RAKYAT MALAYSIA**

**JAWAB LISAN  
DARIPADA**

**YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI  
[ KUALA KRAI ]**

**SOALAN                  1 APRIL 2010**

**D                  YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA  
KRAI] minta MENTERI LUAR NEGERI**

**E                  menyatakan punca sebenar Kerajaan memanggil  
balik Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa**

**W                  Bersatu di Vienna dan menamatkan  
perkhidmatan beliau ekoran tindakan beliau**

**A                  semasa pengundian resolusi mengecam Iran atas  
isu nuklear.**

**PERT  
ANYA  
AN : PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DARI PADA** **RAKYAT MALAYSIA**

**TARIKH** **JAWAB LISAN**

**SOALAN** **YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]**

**D** **5 APRIL 2010**

**E** **YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan  
**W** sebab mengapa wakil tetap Malaysia ke  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna,  
**A** Austria dipanggil pulang dan kontrak beliau tidak  
dilanjutkan.

**N**

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Subang bertarikh 29 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Batu bertarikh 31 Mac 2010, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Rembau bertarikh 5 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

2. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan pengundian Malaysia ke atas satu resolusi yang dibentangkan oleh negara Jerman di Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau *dengan izin, International Atomic Energy Agency, (IAEA)* yang diadakan pada 27 November 2009 di Vienna, Austria.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Resolusi tersebut pada keseluruhannya mengecam Iran kerana tidak telus dalam soal pembangunan tenaga nuklearnya dan menyeru Iran supaya memberikan kerjasama penuh kepada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi menentukan supaya Agensi tersebut dapat mengesahkan bahawa program nuklear Iran adalah untuk tujuan aman, iaitu selaras dengan obligasi Iran kepada masyarakat antarabangsa.

4. Seperti yang diketahui umum, selain dari Cuba dan Venezuela, Malaysia merupakan antara 3 buah negara yang mengundi menentang resolusi tersebut, 25 negara menyokong dan 6 lagi berkecuali.

Kebanyakan negara-negara membangun termasuk dari kalangan anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telah mengundi menyokong ataupun berkecuali terhadap resolusi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam soal pengundian terhadap resolusi yang penting di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, semua wakil-wakil Malaysia di luar negara perlu mendapatkan kelulusan daripada pegawai atasan Kementerian Luar Negeri dan **[Yang Berhormat]** Menteri Luar Negeri sendiri. Tertakluk kepada kepentingan Negara, Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada pendirian kumpulan yang diambil oleh negara-negara membangun termasuk Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Dalam hal ini, Perwakilan Malaysia di Vienna telah mengundi untuk menentang resolusi ini walaupun pada ketika itu telah jelas bahawa Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) tidak sepakat dalam pendiriannya terhadap resolusi tersebut.

6. Dalam hubungan ini, Perwakilan Malaysia di Vienna tidak mendapatkan kelulusan **[Yang Berhormat]** Menteri Luar Negeri untuk mengundi menentang resolusi tersebut walaupun Pergerakan Negara-Negara Berkecuali tidak mempunyai pendirian kumpulan. Dengan demikian, Dato' Arshad telah dipanggil pulang untuk memberi penjelasan terhadap pendirian yang telah dibuat oleh beliau atas resolusi tersebut kepada pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dan juga **[Yang Berhormat]** Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Saya ingin menjelaskan bahawa Dato' Arshad tidak dipecat seperti

yang ditakrifkan oleh Yang Berhormat Subang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Dato' Arshad telah bersara wajib pada tahun 2007. Atas budi bicara Kerajaan, perkhidmatan beliau telah dilanjutkan secara kontrak tahunan sebanyak 3 kali. Secara kebetulan, kontrak beliau dengan Kerajaan tamat pada 11 Mac 2010.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO: XI**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**                   **YB. Dato' Seri Tiong King  
Sing (BINTULU)**

**TARIKH**                   **31 MAC 2010**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**YB. Dato' Seri Tiong King Sing minta MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian membuat pemantauan terhadap iklan-iklan yang disiarkan di dalam akhbar tempatan yang hanya menarik perhatian pembaca sahaja sedangkan ada sesetengah iklan-iklan ini bertujuan untuk menipu para pembaca terutama sekali akhbar tempatan Sarawak yang menawarkan kerja-kerja di luar Negara seperti Singapura; dan

- (b) berapa banyakkah syarikat-syarikat yang terlibat dalam penyalahgunaan iklan ini dan apakah jenis tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan sejak 5 tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB yang mengemukakan soalan.

1. Kementerian Dalam Negeri sentiasa membuat pemantauan terhadap iklan-iklan yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar bagi memastikan semua iklan yang disiarkan itu mematuhi Garis Panduan Penerbitan. Bagi mengelakkan iklan yang bertujuan menipu tawaran pekerjaan, garis panduan kementerian ialah mensyaratkan orang yang mengiklan meletakkan nama, no Mykad atau nama syarikat dan nombor telefon dalam iklan berkenaan.

**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**

**KAWASAN**

**BANDAR KUCHING**

**TARIKH**

**31.03.2010 (RABU)**

**NO. SOALAN**

**22**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)** minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah halangan untuk pengimportan simen (cement) dari semenanjung ke Negeri Sarawak yang menjadi Cahaya Mata Sarawak Berhad sebagai syarikat monopoli pembekal simen di Sarawak. Apakah rasional kewujudan halangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, tiada sebarang halangan bagi mana-mana syarikat atau individu yang ingin mengimport simen dari Semenanjung Malaysia ke Negeri Sarawak. Bagi memenuhi keperluan simen di Sabah dan Sarawak, Kerajaan telahpun mengecualikan Lesen Import (AP) bagi mengimport simen dari Semenanjung Malaysia ke negeri-negeri tersebut pada 5 Jun 2008.

Dari segi pemberian Lesen Pengilang pula, saya ingin memaklumkan bahawa Lesen Pengilang hanya dikeluarkan kepada syarikat yang melabur dalam projek simen berintegrasi atau dengan izin *integrated cement project* dan kepada syarikat sedia ada yang menjalankan projek peluasan dan pelbagai. Namun begitu,

pertimbangan pemberian Lesen Pengilang juga dibuat berdasarkan permohonan dengan mengambil kira keperluan dan pengeluaran simen semasa. Oleh yang demikian, mana-mana syarikat yang berminat untuk menjalankan projek simen berintegrasi di Sarawak boleh memohon kepada MIDA untuk mendapatkan Lesen Pengiang.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan penguasaan syarikat Cahaya Mata Sarawak Berhad (CMSB) ke atas pasaran simen di Sarawak, MITI ingin menjelaskan bahawa syarikat ini merupakan pemilik syarikat Cahaya Mata Sarawak (CMS) Cement Sdn. Bhd iaitu pengeluar simen tunggal di Sarawak. Pada 30 November 2007, CMS Cement Sdn. Bhd. telah mengambil alih Sarawak Clinker Sdn. Bhd. iaitu pengeluar klinker tunggal di Sarawak dan kini dikenali sebagai Cahaya Mata Sarawak Klinker (CMSK) Sdn. Bhd. Oleh yang demikian, CMSB kini adalah pengeluar tunggal simen dan klinker di Sarawak. Kedudukan CMSB sebagai satu-satunya pengeluar simen Sarawak telah menyebabkan CMSB kelihatan seperti memonopoli pasaran simen di Sarawak.

Soalan No : 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH
	(DUNGUN)
TARIKH	31.10.2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [ DUNGUN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah serta di seluruh negara terutamanya di luar bandar.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari masih terdapat kekurangan guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terutamanya di luar bandar. KPM sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, Hari Bertemu Pelanggan dan kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru. KPM juga berusaha meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan program-program yang dilaksanakan di semua Institusi Perguruan Guru seluruh negara. Di antaranya ialah B.Ed TESL Luar Negara, B.Ed TESL Dalam Negara, Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Program ijazah Sarjana Muda Perguruan (PSIMP) dalam bidang Pengajian Inggeris bagi Sekolah Rendah dan Menengah.

Rjm 66

## **SOALAN NO: 24**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO

TARIKH: 31 MAR 2010

SOALAN:

**Y.B. Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab ada ‘inconsistencies’ dalam polisi tentang pengambilan buruh asing. Apakah kesannya kepada perusahaan tempatan yang menggunakan pekerja asing. Apakah langkah yang paling wajar untuk mengatasi masalah ini untuk jangka masa panjang.

PR-1231-L36071

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasamanya, langkah yang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang berhubung dengan penggajian pekerja asing adalah bersifat sementara dan mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, semasa negara mengalami kegawatan ekonomi pada tahun 2009, Malaysia menghantar pulang pekerja asing disebabkan tiada keperluan. Pada awal tahun 2010, Kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing disebabkan peningkatan tempahan daripada luar negara dan ianya tidak dapat ditampung oleh tenaga kerja tempatan walaupun berbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia. Oleh yang demikian tidak timbul isu “*inconsistencies*” dalam polisi tentang pengambilan buruh asing.

Kesan penggajian pekerja asing kepada pengusaha tempatan telah menimbulkan

masalah berikut:

- Majikan tidak berminat untuk mengautomasikan pengeluaran mereka sekiranya penggajian pekerja asing dipermudahkan.
- Penggajian pekerja asing memberi kesan kepada kadar upah;

Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan untuk mengurangkan penggajian pekerja asing melalui kaedah berikut;

- Menubuhkan Makmal Pengurusan Pekejia Asing untuk melihat dan mengkaji sistem dan proses perundangan, penguatkuasaan, penawaran dan permintaan ke atas pekerja asing;
- Menggesa majikan menawarkan gaji yang munasabah kepada pekerja tempatan;
- KSM mempergiatkan usaha untuk menarik rakyat tempatan termasuk *latent workforce* untuk bekerja melalui penubuhan 12 *JobsMalaysia Center*. 99 JobsMalaysia Point di Pejabat Tenaga Kerja dan Institut Latihan Kemahiran KSM. Program Penempatan Pekerjaan Setempat seperti di sekitar kawasan perindustrian, di kawasan penempatan dan sebagainya, program mengesan bakal pekerja dari kalangan *homeless* dan mendaftarkan tenaga kerja dari kalangan rakyat miskin dalam *JobsMalaysia* untuk mendapatkan pekerjaan juga diadakan.
- Kerajaan telah melaksanakan dasar untuk menubuhkan industri yang berteknologi tinggi dan *high income model* bagi menarik pelabur asing dan dasar ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

hW'.ZS

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

## **PERTANYAAN**

**DARIPADA** **LISAN Y.B. TUAN ER TECK HWA**

KAWASAN

BAKRI abu) 31.3.2010 (R

NO. SOALAN

25

**Y.B. TUAN ER TECK HWA** minta **MENTERI** **PERDAGANGAN**  
**ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang pelancaran Projek Trans-Peninsular Oil Pipeline sejak 2007:

- a) Apakah status terkini project transpen ini dan bilakah privilege Transpeninsular Petroleum Sdn. Bhd. mengurus projek ini tamat; dan
  - b) Senaraikan nama-nama pelabur utama luar negeri yang terlibat dalam projek ini serta pegangan syernya.

### Jawapan:

## **Tuan Yang Di Pertua,**

Syarikat Trans-Peninsula Petroleum Sdn. Bhd. (TPP) telah diberikan kelulusan secara dasar dan tanpa qalakan cukai oleh Kerajaan Malaysia untuk membina, memiliki dan mengendalikan proiek saluran paip minvak pada tahun 2006. Walaubagaimanapun, pada tahun 2009, svarikat TPP telah memaklumkan bahawa pelaksanaan proiek saluran paip yang dicadangkan tersebut tidak dapat dilaksanakan ekoran perselisihan dalaman svarikat.

Lanjutan dari status projek syarikat tersebut, Keraiaan telah membatalkan kelulusan secara dasar yang telah diberikan kepada svarikat TPP. Pembatalan kelulusan tersebut adalah berkuatkuasa serta merta.

**NO. AUM : 45**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [  
BAGAN SERAI ]**

**TARIKH 31 MAC 2010**

**RUJUKAN 2422**

**SOALAN:**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

(a) apakah signifikannya Kementerian mensasarkan sejumlah 2.5 juta anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dalam tempoh tiga tahun akan datang. Nyatakan justifikasi negara memerlukan anggota RELA sebanyak ini; dan

(b) berapakah bilangan anggota RELA mengikut negeri untuk 2008-2009. Apakah syarat-syarat untuk menganggotainya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat  
Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

- a) Sebenarnya kerajaan berhasrat untuk menggalakkan seramai mungkin rakyat menganggotai pasukan Rela. Pendekatan agar Rela menubuhkan satu platur bagi setiap taman dan satu aggota sukarelawan bagi setiap keluarga adalah merupakan strategi untuk menambah jumlah ahli Rela dalam konteks '*merakyatkan RELA*'. Sasaran 2.5 juta ahli menjelang akhir tahun 2012 adalah berasaskan sasaran pengambilan ahli RELA secara purata sebanyak 500,000 setahun. Pada masa yang sama, kerajaan berhasrat untuk melihat penyertaan pelbagai kaum atas semangat meningkatkan Perpaduan Nasional dan juga penyertaan seramai mungkin golongan muda menyertai Pasukan RELA. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan dan memperkuuhkan

semangat “Volunteerism” di kalangan rakyat jelata untuk terlibat sama dalam mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan Negara.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, syarat-syarat untuk menganggotai Pasukan Rela ialah warganegara Malaysia berumur 16 tahun ke atas dan diketahui tidak mempunyai rekod jenayah. Pada tahun 2008, jumlah ahli RELA ialah seramai 543,375 orang. Manakala sehingga 31 Disember 2009, bilangan anggota Rela adalah seramai 682,749 orang . Pengambilan anggota RELA mengikut negeri adalah seperti berikut:

i.	Perlis	12,867
ii.	Kedah	45,784
iii.	Pulau Pinang	20,513
iv.	Perak	71,222
v.	Selangor	56,055
vi.	Kuala Lumpur	21,206
vii.	Negeri Sembilan	34,813
viii.	Melaka	22,178

ix.	Johor	-	62,301
x.	Pahang	-	65,207
xi.	Terengganu	-	39,596
xii.	Kelantan	-	62,333
xiii.	Sarawak	-	94,095
xiv.	Sabah	-	72,543
xv.	Putrajaya	-	2,036
	JUMLAH	-	682,749

**Soalan No: 27**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan status projek rintis Bahasa Cina di sekolah- sekolah kebangsaan yang telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2007 mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah ditawarkan di Sekolah Kebangsaan dan dilaksanakan di sekolah kebangsaan terpilih. Sehingga Disember 2009, terdapat 350 sekolah kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina manakala 170 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil. Bagi tahun 2010, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) telah mensasarkan sebanyak 450 buah sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, manakala 250 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil.

**NO.AUM : 60**

**NO. AUP : o-f**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [ JERAI ]**

**TARIKH 31 MAC 2010**

**RUJUKAN 2424**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis yang dibuat ke atas pemimpin-pemimpin politik mengikut parti sepanjang tahun 2009 dan nyatakan peratusan kertas siasatan yang dibuka terhadap laporan- laporan tersebut.  
**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis sentiasa menjalankan siasatan dengan telus dan berintegriti di dalam mengendalikan laporan-laporan termasuk yang melibatkan pemimpin-pemimpin politik. Siasatan jalankan tanpa mengira latar belakang parti sama ada parti yang memerintah ataupun parti pembangkang.

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tahun 2009, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima sebanyak 240 kes laporan yang di buat ke atas pemimpin-pemimpin politik. Jumlah tersebut adalah jumlah keseluruhan dan tidak di pecahkan kepada mana-mana parti. Daripada jumlah tersebut juga, sebanyak 122 kertas siasatan atau bersamaan 50.8% kertas siasatan telah di buka.

(

Akt\* 'kf

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

Y.B DATUK SERI PANGLIMA  
MOJILIP BIN BUMBURING  
@ WILFRED

TARIKH

31 MAC 2010

SOALAN

09

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan senarai projek yang akan dilaksanakan di kawasan Tuaran dan berapa peratuskah bekalan elektrik di seluruh kawasan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B, Kementerian pada tahun 2009 - 2010 sedang melaksanakan empat (4) projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sambungan talian grid di kawasan parlimen Tuaran yang melibatkan 503 buah rumah dengan kos projek berjumlah RM 9.8 juta. Projek ini telah dimulakan pelaksanaannya pada 1 Ogos 2009 dan akan siap sepenuhnya sebelum 31 Januari 2011.

Untuk makluman Y.B juga, liputan bekalan elektrik di kawasan Parlimen Tuaran telah mencapai 70 peratus pada akhir tahun 2009. Maklumat ini diperoleh dari Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Liputan bekalan elektrik di Tuaran akan dapat ditingkatkan kepada 79 peratus selepas empat (4) projek di atas siap dilaksanakan.

**Soalan No: 30**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN</b>
	<b>(PADANG SERAI)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah peruntukan kewangan yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membina sekolah-sekolah seperti berikut:-

- (a) semua sekolah-sekolah cina dan sekolah-sekolah Tamil; dan
- (b) sekolah-sekolah Kebangsaan semenjak tahun 1980 di kawasan Parlimen Padang Serai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membelanjakan sebanyak RM273 juta untuk sekolah Cina dan sebanyak RM100 juta untuk sekolah Tamil. Peruntukan ini dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, ubah suai naik taraf, membina bangunan baru/gantian dan lain-lain. Dalam RMKe9, KPM juga telah membelanjakan RM100 juta untuk bantuan modal bagi sekolah bantuan kerajaan berbanding RM50 juta dalam RMKe8. Ini menunjukkan KPM sentiasa perihatin dan mengambil berat dalam memajukan sekolah bantuan kerajaan.
- (b) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM17.3 juta bagi pembinaan lima (5) buah sekolah kebangsaan di

Parlimen Padang Serai, Kedah di bawah projek RMKe-9.

Rjm 63

**SOALAN NO. 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    JAWAB LISAN**

**DARIPADA :                YB DATUK TIONG THAI KING (LANANG)**

**TARIKH                      31 MAC 2010 (RABU)**

**SOALAN**

YB Datuk Tiong Thai King (Lanang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan ibu tunggal di Malaysia mengikut negeri pada tahun 2009.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan atau statistik ibu tunggal di Malaysia yang digunakan oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah berdasarkan kepada statistik Ketua Isi Rumah (KIR) wanita yang dikumpulkan menerusi Band Penduduk dan Perumahan Negara yang diadakan setiap sepuluh tahun oleh Jabatan Perangkaan.

Oleh yang demikian, statistik terkini ibu tunggal di negara ini adalah berdasarkan kepada Band Penduduk dan Perumahan Negara yang dikeluarkan pada tahun 2000. Berdasarkan Band tersebut, bilangan ibu tunggal di Malaysia ialah seramai 126,810 orang atau 1.11 peratus daripada peratusan penduduk tempatan yang berjumlah kira-kira 23.2 juta orang.

Pecahan bilangan ibu tunggal mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Ibu Tunggal
1. Johor	14,790
2. Kedah	11,694
3. Kelantan	9,767
4. Melaka	4,638
5. Negeri Sembilan	5,521
6. Pahang	7,343
7. Perak	15,969
8. Perlis	1,332
9. Pulau Pinang	8,350
10. Sabah	7,126
11. Sarawak	7,929
12. Selangor	16,748
13. Terengganu	6,905
14. WP Kuala Lumpur	8,536
15. WPLabuan	162
MALAYSIA	126,810

Sumber : Band Penduduk dan Perumahan Negara Tahun 2000,  
Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain daripada itu, pihak Kementerian dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) sedang menggubal Pelan Tindakan bagi

**Jumlah Ibu Tunggal Mengikut Negeri, Tahun 2000**

**Memperkasakan Ibu-ibu Tunggal di Malaysia di mana komponen utama dalam pelan ini adalah pembangunan profil ibu-ibu tunggal yang bakal mencerminkan dengan lebih jelas mengenai situasi ibu-ibu tunggal di negara ini terutamanya dari sudut sosio-ekonomi mereka.**

**Soalan No: 32**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD  
YUSOFF (BALIK PULAU)**

**TARIKH**

**31.10.2010**

**SOALAN:**

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula skim perkhidmatan guru dan menambah skim rangsangan bagi guru-guru yang mengajar di pedalaman. Apakah alternatif lain agar semakin ramai guru yang dapat berhijrah dalam usaha membangunkan generasi muda di kawasan pedalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa peka dan mengambil inisiatif bagi menambah baik skim perkhidmatan perguruan. Pada masa ini, KPM sedang meneliti secara menyeluruh perkhidmatan perguruan bagi guru-guru yang berkhidmat di luar bandar dan pedalaman serta menyediakan insentif bagi menggalakkan guru berhijrah dalam usaha membangunkan generasi muda di pedalaman. Antara strategi yang telah KPM gariskan termasuklah pemilihan, penempatan, bentuk galakan serta ganjaran yang sesuai. Antara ganjaran yang sedang dipertimbangkan ialah mengambil kira pengalaman bertugas di luar bandar dan pedalaman dalam urusan kenaikan pangkat. Selain itu mereka juga mungkin diberi keutamaan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

**SOALAN NO : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED**

**SAID**

**[KUALA KRAU]**

**TARIKH                    31 MAC 2010**

**SOALAN**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa kempen berhenti merokok didapati tidak berkesan mengurangkan jumlah perokok malah semakin bertambah di mana 3 dari 10 orang remaja berumur 12 hingga 18 tahun adalah perokok dan bilangan perokok di kalangan remaja perempuan juga kian meningkat seolah-olah menjadi 'trend.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kempen 'Tak Nak Merokok', seperti mana kempen-kempen media yang lain mengambil masa antara 5 - 10 tahun untuk menampakkan impak yang signifikan terhadap perubahan perlakuan (*behaviour*) atau amalan anggota masyarakat yang mana mesej kempen tersebut disasarkan. Dalam menetapkan samada sesuatu kempen itu telah berjaya ataupun tidak, kajian penilaian saintifik yang menyeluruh perlu terlebih dahulu dibuat bagi mendapatkan hasil keputusan yang

berwibawa (*credible*). Dakwaan bahawa sesuatu kempen itu telah gagal, tidak boleh diterima hanya dari cakapan (*hearsay*) atau dari beberapa pemerhatian rawak (*random observation*). Sebagai satu kempen yang menggunakan media massa, kejayaan kempen ini diukur menggunakan petunjuk antaranya peratus pendedahan kumpulan sasar terhadap kempen, penerimaan mesej kempen oleh mereka, hasrat untuk berhenti dan tindakan yang diambil untuk berhenti merokok.

Untuk makluman anggota Dewan yang mulia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan beberapa penyelidikan untuk menilai beban merokok dan keberkesanannya (*effectiveness*) kempen media 'Tak Nak Merokok', iaitu masing-masing melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey- NHMS*) dan Kajian Impak Kempen Media Tak Nak Merokok'.

Hasil perbandingan antara 2 kajian iaitu Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Kedua (NHMS2) pada 1996 dengan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ketiga (NHMS3) pada tahun 2006 sebenarnya menunjukkan bahawa prevalen atau kadar merokok telah mengalami tren menurun sebanyak 3%. Kajian ini juga mengesan kadar bekas perokok yang telah meningkat dari 18.8% pada 1996 kepada 28.9% pada 2006. Dengan keputusan ini bolehlah diandaikan bahawa usaha-usaha Kerajaan, termasuk pelaksanaan 'Kempen Tak Nak Merokok' telah membawa hasil positif.

Selain Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, 3 buah kajian penilaian kempen Tak Nak Merokok' yang dijalankan pada 2005,

2007 dan 2009 telah turut mencatat impak positif kempen ini dari segi tahap pendedahan kepada mesej, butiran mesej-mesej kempen yang boleh diingati (*message recall*) dan hasrat perokok untuk berhenti merokok. Sebagai contoh, pendedahan kepada mesej kempen di kalangan perokok telah meningkat dari 92.1% dalam tahun 2005 kepada 96% dalam tahun 2009. Hasrat untuk berhenti merokok juga meningkat dari hanya 5.4% dalam tahun 2005 kepada 29% dalam tahun 2009. Begitu juga terdapat peningkatan dalam tindakan perokok menghadiri klinik berhenti merokok atau menghubungi Infoline Kementerian Kesihatan dari 31.6% dalam tahun 2007 kepada 75% dalam tahun 2009.

Bagaimana pun, Kementerian Kesihatan tidak sama sekali berpuas hati dengan pencapaian ini dan bertekad untuk terus berusaha menurunkan kadar prevalen dan juga bilangan perokok di Negara ini. Pihak Kementerian bakal melaksanakan banyak lagi usaha menggunakan pelbagai pendekatan termasuk perundangan, penguatkuasaan, promosi dan pendidikan kesihatan serta menyediakan perkhidmatan berhenti merokok selain menghadkan kebolehcapaian (*accessibility*) rokok melalui kaedah pencukaian dan peningkatan harga. Kempen Tak Nak Merokok merupakan kempen pendidikan melalui media massa yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pendekatan komprehensif dalam menangani masalah merokok. Kempen ini menyokong (*complement*) strategi lain yang digunakan. Setiap anggota masyarakat perlu memainkan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membendung masalah merokok. Para ibu bapa dan guru-guru mempunyai peranan penting dalam mengawasi tingkahlaku dan aktiviti anak-anak bagi

mempastikan mereka tidak terpedaya dengan memulakan tabiat merokok.

Sebagai Parti kepada perjanjian global *WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)*, Kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Kesihatan adalah amat komited untuk menepati peruntukan yang terkandung dalam WHO FCTC demi mencapai objektif utama iaitu menjaga dan memelihara kepentingan kesihatan awam dengan melenyapkan beban akibat penggunaan tembakau.



**Soalan No : 34**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DR. LO<sup>1</sup> LO* BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DR. LO\ LO\* BINTI MOHAMAD GHAZALI [ TITIWANGSA ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah Menteri Pelajaran membezakan peruntukan Kementerian Pelajaran dan peranan sebagai Menteri semasa program rasmi penyampaian hadiah cemerlang yang melibatkan guru-guru dan murid-murid sekolah sedangkan pada masa yang sama program juara rakyat UMNO diadakan seperti di Kuala Terengganu pada bulan Februari baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hanya menyediakan peruntukan kewangan kepada program/aktiviti yang dianjurkan oleh KPM sahaja. Bagi program/aktiviti yang tidak melibatkan KPM, peruntukan adalah melalui pelbagai sumber seperti sumbangan Kerajaan Negeri, pihak swasta, badan korporat dan lain-lain lagi.

MK SSr

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**  
DARIPADA Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
**KAWASAN** LISAN  
**TARIKH** 31.03.2010 (Rabu)  
**NO. SOALAN**

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN minta MENTERI PERDAGANGAN ATARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan <sup>35</sup> strategi dan pelan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (foreign direct investment) ke Malaysia memandangkan kira-kira satu pertiga jumlah pelaburan swasta adalah dari pelaburan langsung asing.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2009, walaupun suasana ekonomi dan kewangan global mengalami keiatuhan, jumlah pelaburan yang telah diluluskan di dalam sektor perkilangan di Malaysia adalah bernilai RM32.6 bilion di dalam 766 projek. Angka ini adalah RM5.1 bilion atau 18.5 peratus lebih tinggi daripada sasaran tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMPS). Daripada jumlah tersebut, pelaburan asing (FDI) berjumlah RM22.1 bilion atau 67.8 peratus. Untuk menarik lebih banyak FDI ke Malaysia, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah baru dengan memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun 'targeted approach', dengan izin, dalam menggalakkan kemasukan FDI serta memacu pertumbuhan ekonomi negara.

- 
- 1 Mewujudkan Perkhidmatan Juru Runding atau "Special Business Advisors", dengan izin, yang terdiri daripada personaliti terkemuka di dalam industri-industri yang digalakkan termasuk daripada universiti-universiti dan institusi-institusi penvelidikan luar negara untuk 'membuka pintu' dan memberi peluang kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian

**Tuan Yang Di Pertua,**

Strategi dan kegiatan penggalakan FDI adalah ditumpukan untuk menarik svarikat-svarikat terkemuka khususnya di dalam sektor-sektor berteknologi tinggi yang telah dikenalpasti untuk melabur di Malaysia. Tumpuan turut diberi terhadap sektor keluaran terkini seperti:

- ‘advanced electronics’ dan semikonduktor;
- peralatan dan peranti perubatan;
- sumber tenaga alternatif dan tenaga solar;
- fotonik;
- optoelektronik;
- teknologi nano; dan
- jentera dan industri sokongan kejuruteraan.

Industri-industri yang disasarkan tersebut adalah selaras dengan strateji pembangunan industri seperti yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Pendekatan berfokus akan diambil untuk menarik FDI dari negara tertentu yang dikenalpasti mempunyai kekuatan di dalam industri dan teknologi terpilih. Ini akan dilaksanakan dengan:

- Mengenalpasti svarikat-svarikat terkemuka yang mempunyai kewangan yang kukuh dan stabil dan mempunyai keupayaan melabur dan diangka menjalankan projek pembesaran di lokasi baru yang lebih kompetitif;
- Mensasarkan svarikat-svarikat yang bercadang untuk menvusun semula atau ingin menggabungkan operasi mereka semasa krisis ekonomi dengan memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan: Malaysia (MIDA) untuk memberi penjelasan mengenai Malaysia dan peluang serta kelebihan berkenaan projek pelaburan syarikat di Malaysia; dan
- Menqaniurkan Misi Penggalakan Pelaburan yang diketuai oleh Menteri dan juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang bertujuan untuk menvebarkan dan memaklumkan kepada peabur-pelabur tentang peluang pelaburan di dalam sektor-sektor yang disasarkan dan perkembangan maklumat terkini. Bagi tahun 2010, sejumlah 6 misi penggalakan pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke Eropah, Amerika

Syarikat. China. Jepun, Korea. Singapura. dan India.  
Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan juga akan terus mempergiatkan dan mengukuhkan strategi penggalakan FDI yang sedia ada di samping memperbaiki dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar pelaburan bagi menggalakkan FDI.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA                          PUAN CHONG ENG**  
    [BUKIT MERTAJAM]  
**TARIKH                              31 MAC 2010**  
**SOALAN**

Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) meminta MENTERI KESIHATAN menyatakan secara terperinci statistik penghidap penyakit barah di Malaysia termasuk pecahan mengikut jenis barah, negeri, gender, umur, kaum dan kurungan pendapatan. Sila nyatakan program Kerajaan untuk meringankan beban pemulihan pesakit barah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit barah atau kanser merupakan salah dari penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat bilangannya. Di anggarkan sebanyak 34,000 kes baru berbagai jenis kanser disahkan setiap tahun di negara kita dan merupakan salah satu dari sepuluh kemasukan utama pesakit di seluruh hospital Kerajaan. Pada tahun 2008, kematian akibat kanser menyumbang sebanyak 11.21% (5,149

kes) dari semua kematian yang berlaku di hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan (Malaysia Cancer Statistics, Data and Figure, Peninsular Malaysia 2006), lima jenis kanser paling utama bagi penduduk Malaysia tanpa mengira jantina adalah kanser payudara (16.5%) diikuti dengan kanser usus besar (13.2%), paru-paru (9.4%), serviks (4.9%) dan nasofarink (4.5%). Dari segi jantina, lima jenis kanser yang paling utama di kalangan lelaki adalah kanser usus besar (16.2%), kanser paru-paru (14.5%), kanser nasofarink (7.5%), kanser prostat (7.4%) dan kanser hati (5.7%). Bagi kanser di kalangan wanita pula, kanser payudara adalah kanser paling utama (29.9%) diikuti dengan kanser usus besar (10.6%), kanser serviks (9.1%), kanser ovarи (5.8% dan kanser thyroid (5.7%).

Kejadian kanser meningkat mengikut umur dengan peningkatan ketara setelah usia 40 tahun dan paling kerap berlaku di kumpulan umur 60 tahun ke atas. Kanser didapati lebih kerap berlaku di kalangan bangsa Cina berbanding dengan bangsa India dan Melayu di mana 148/100,000 lelaki dan 151.5/100,000 wanita berbangsa Cina mengidap kanser berbanding dengan 97.4/100,000 di kalangan lelaki dan 134.7/100,00 wanita India serta 94.7/100,000 lelaki dan 96.4/100,000 wanita bangsa Melayu yang mengidap kanser.

Pada tahun yang sama iaitu tahun 2006, sebanyak 9,813 kes kanser dimasukkan ke hospital Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan rawatan. Dari jumlah ini, lima buah negeri yang mencatatkan jumlah

kemasukkan kes kanser paling tinggi ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,538 kes), Pulau Pinang (1,856 kes), Sabah (1,018 kes), Perak (821 kes) dan Sarawak (792 kes).

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia belum mempunyai data yang mengaitkan antara kes kanser dengan kurungan pendapatan.

**Tuan Yang di Pertua,**

Kawalan kanser tidak hanya memberi fokus kepada penurunan dari segi kematian akibat kanser dan pengurangan dalam bilangan kes-kes baru, tetapi, ia juga memberi fokus kepada pengesanan awal, diagnosis, rawatan, penjagaan paliatif dan juga rehabilitasi atau pemulihan. Justeru itu, dalam usaha untuk meringankan beban pemulihan pesakit kanser, program pemulihan turut diberi keutamaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kerajaan dalam Pelan Tindakan Kawalan Kanser Kebangsaan atau *National Cancer Control Blueprint* yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada November 2008 turut memberi tumpuan ke arah usaha meringankan beban pemulihan. Objektif utama Perkhidmatan Pemulihan Kanser atau (dengan izin) *Cancer Rehabilitation Services* adalah menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada semua pesakit kanser yang memerlukan serta mempertingkatkan perkhidmatan yang sedia ada dengan menaiktaraf fasiliti dan peralatan. Perkhidmatan Rehabilitasi merangkumi perkhidmatan yang diberikan oleh Pakar Perubatan

Rehabilitasi, Pegawai Pemulihan dan Jurupulih Perubatan (Anggota) serta Pegawai Pemulihan dan Jurupulih Perubatan (Carakerja).

Antara usaha-usaha mengurangkan beban permulihan termasuklah;

- i. pengurusan rasa sakit (atau, dengan izin, *pain management*)
- ii. mempertingkatkan fungsi usus dan pundi kencing
- iii. mempertingkatkan status pemakanan
- iv. mempertingkatkan fungsi fizikal dan aktiviti harian (atau, dengan izin, *improving physical conditioning and activities of daily living*)
- v. mempertingkatkan status sosial, kognitif dan emosi serta pengurusan stres, (dengan izin) *anxiety*, kemurungan, dan,
- vi. mempertingkatkan status vokasional.

Faedah yang diperolehi hasil dari Perkhidmatan Pemulihan Kanser ini adalah peningkatan dari segi ketidakbergantungan kepada orang lain atau kendiri (atau, dengan izin, increase independence), memendekkan tempoh rawatan di hospital dan meningkatkan kualiti hidup pesakit kanser. Ini secara langsung dapat mengurangkan beban pesakit, komuniti dan kerajaan dalam pemulihan pesakit-pesakit kanser.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**  
**TARIKH 31 MAC 2010**

**NO. SOALAN : 37**

**SOALAN**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keupayaan Negara mengekalkan daya saing ekonomi di rantau ini. Apakah asas model ekonomi baru yang sedang dirancang oleh Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sebagaimana YB. Dato' sedia maklum bahawa Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) ditubuhkan pada 1 Jun 2009 dan telah ditugaskan untuk membentuk satu model baru ekonomi negara yang berteraskan kepada inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi. Ini adalah selaras dengan strategi untuk melonjakkan status ekonomi negara yang berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi dan seterusnya ke arah status negara maju pada tahun 2020 nanti. Sehubungan dengan itu, MPEN sedang dalam peringkat akhir merumuskan kajian ini dan laporan kajian ini telah dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 30 Mac 2010 iaitu semasa majlis konferensi Invest Malaysia 2010.

**SIDANG DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL**

**KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**

**YB. CHE ROSLI BIN CHE MAT**

**[HULU LANGAT]**

**TARIKH**

**31 MAC 2010**

**SOALAN**

**38**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Malaysia bersedia ke arah penggunaan tenaga nuklear dari segi pembangunan modal insan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses persediaan pembangunan modal insan ke arah penggunaan tenaga nuklear. Berdasarkan kepada garispanduan yang dikeluarkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), bagi melaksanakan projek sebuah loji kuasa nuklear (1000MW), iaitu bermula daripada pra projek, termasuk fasa pembinaan sehingga fasa operasi dan penyenggaraan serta perlesenan dan pengawalseliaan, jumlah keseluruhan sumber manusia yang diperlukan ialah seramai 6,940 orang yang terdiri daripada 963 profesional, 1447 juruteknik dan 4530 pekerja mahir. Daripada 6,940 orang tersebut, keperluan sumber manusia untuk operasi dan penyenggaraan ialah seramai 650 orang yang terdiri daripada 180 profesional, 310 juruteknik dan 160

**Tuan Yang DiPertua,**

pekerja mahir. Bagi perlesenan dan pengawalseliaan pula seramai 50 orang professional diperlukan. Bidang kepakaran yang diperlukan ialah bidang sains dan teknologi nuklear serta kejuruteraan seperti kejuruteraan nuklear, kejuruteraan radiologikal, kejuruteraan reaktor, teknologi nuklear, sains nuklear, kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan sivil, kejuruteraan kimia, ujian tanpa musnah, sains bahan dan kajian logam, matematik, statistik, sains alam sekitar, geologi, sains marin, kimia, fizik, sains am dan teknologi maklumat.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 25 juta untuk melakukan beberapa kajian termasuk Kajian Keupayaan Modal Insan Kebangsaan ke arah persediaan pembangunan modal insan ke arah penggunaan kuasa nuklear pasca 2020. Hasil kajian yang mengandungi *Nuclear Power Human Resource Roadmap* dan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Kuasa Nuklear Kebangsaan ini dijangkakan akan siap pada akhir tahun 2011.

Di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), terdapat dua (2) agensi iaitu Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom yang mempunyai modal insan dalam bidang teknologi nuklear. Sehingga kini terdapat seramai 375 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional berkelulusan ijazah PhD, Sarjana dan Sarjana Muda dalam pelbagai bidang sains dan teknologi nuklear serta kejuruteraan yang diperlukan untuk melaksanakan program kuasa nuklear kebangsaan sedang berkhidmat di Agensi Nuklear Malaysia. Manakala Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom pula mempunyai seramai 43 pegawai Pengurusan dan Profesional yang kompeten dalam bidang yang berkaitan

dengan pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan teknologi nuklear.

Walau bagaimana pun, pada masa ini, kerajaan belum mempunyai tenaga mahir yang mencukupi bagi program kuasa nuklear kebangsaan. Menyedari perkara ini, MOSTI telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama agensi-agensi kebangsaan dan antarabangsa yang lain dalam mewujudkan tenaga mahir yang diperlukan nanti. Program-program ini termasuk seperti berikut:

- a) . Pembangunan Pendidikan Kejuruteraan Nuklear di Universiti Tempatan;
- b) . Latihan Antara Agensi mengenai Kuasa Nuklear; dan
- c) . Kerjasama Antarabangsa untuk Latihan Modal Insan

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO: 39**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                            LISAN**

**DARIPADA                            Dato'Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman [Pasir Salak]**

**TARIKH                              31 MAC 2010 (RABU)**

**SOALAN                              Dato' Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan:**

- (a) Senarai projek dan peruntukan yang telah dibelanjakan dalam tempoh RMK-9 untuk meningkatkan pengeluaran dan memajukan pertanian di kawasan Sg. Manik; dan
- (b) Senarai projek dan peruntukan yang dicadangkan bagi tempoh RMK -10.

**JAWAPAN                            Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) Di bawah Peruntukan RMK - 9, sebanyak RM50.27 juta diperuntukan bagi IADA Kerian - Sg. Manik. Dalam tahun 2006, daripada RM14.99 juta diperuntukan, sebanyak RM1.59 juta telah dibelanjakan untuk meningkatkan pengeluaran dan

memajukan sektor pertanian di kawasan Sg. Manik. Bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 pula, sebanyak RM8.94 juta, RM13.18 juta dan RM6.16 juta masing - masing telah diperuntukan bagi ketiga - tiga tahun tersebut dan daripada peruntukan tersebut sebanyak RM0.77 juta dibelanjakan bagi tahun 2007, RM1.14 juta bagi tahun 2008 dan RM0.78 juta bagi tahun 2009. Secara puratanya, lebih kurang 10% daripada peruntukan tahunan yang diluluskan dibelanjakan untuk meningkatkan pengeluaran sektor pertanian bagi kawasan Sg. Manik. Bagi tahun 2010, adalah dijangkakan lebih kurang 10% daripada RM6.92 juta peruntukan yang diluluskan akan dibelanjakan untuk meningkatkan pengeluaran dan memajukan sektor pertanian di kawasan Sg. Manik. Peruntukan ini akan digunakan untuk membiayai aktiviti - aktiviti seperti berikut

- i) Pengurusan Air dan Mekanisasi Ladang
- ii) Program Demonstrasi, Promosi dan Pemerhatian
- iii) Pengurusan Perosak Bersepadu
- iv) Pembangunan Sumber Manusia
- v) Industri Asas Tani
- vi) Pembangunan Mini Estet
- vii) Mempelbagai Pendapatan Petani
- viii) Pengairan & Saliran Kawasan Masalah Setempat
- ix) Drainage Polder Fasa I

Di bawah peruntukan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) pula, sebanyak RM34,328,267.00 diperuntukkan untuk tahun 2008 dan RM57,665,101.34 pula diperuntukkan untuk tahun 2009 bagi kawasan IADA Krian - Sg. Manik. Bagi kawasan

**Sg. Manik dalam tahun 2008, sebanyak RM6,509,825.20 telah dibelanjakan manakala sebanyak RM11,608,031.20 telah dibelanjakan bagi tahun 2009 untuk menampung perlaksanaan aktiviti - aktiviti di bawah Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan seperti berikut**

- i) Pembangunan Infrastruktur Pengairan & Saliran
- ii) Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan & Saliran
- iii) Perataan Tanah Sawah
- iv) Program Pembekalan Input (baja & racun)
- v) Pengapuruan
- vi) Mekanisasi Ladang (Matching Grant)

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memuktamadkan cadangan permohonan Projek Rancangan Malaysia KeSepuluh(RMK-IO) untuk pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri. Pada masa ini, pihak UPE, JPM sedang menimbang permohonan projek Kementerian dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh.

**NO.AUM : 57**

**NO.AUP : \*tO**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA TARIKH</b>	<b>TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]</b>
<b>RUJUKAN SOALAN:</b>	<b>31 MAC 2010</b>
	<b>2423</b>
<b>Tuan Liew Chin</b>	
<b>Tong [ Bukit Bendera ]</b> minta <b>MENTERI DALAM NEGERI</b> menyatakan status proses pendaftaran kerakyatan kaum orang asal Sarawak, khasnya di kawasan Baram dan bolehkah had masa 2011 dicapai dan sama ada cadangan untuk mengadakan Operasi Pendaftaran Bersepadu dengan agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Pejabat Residen dan Daerah, Mahkamah Bergerak, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia dan sebagainya telah dilaksanakan.	



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses mendaftar rakyat yang tanpa dokumen pengenalan diri di Negeri Sarawak sedang giat dilaksanakan oleh Pasukan Khas Dokumen Pengenalan Diri yang ditubuhkan melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 19 Januari 2010.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sasaran yang ditetapkan oleh Y.B. Menteri Dalam Negeri ialah untuk menyelesaikan masalah rakyat tanpa dokumen pengenalan diri di Negeri Sabah dan Sarawak sebelum berakhirnya tahun 2011. Dalam hal ini JPN sedang giat berusaha kearah mencapai sasaran yang telah ditetapkan itu. Walau bagaimanapun, Kementerian menyedari dan mengambil kira setiap halangan dankekangan untuk mencapai sasaran tersebut seperti faktor geografi, lojistik, kewangan dan kerjasama pemimpin masyarakat setempat untuk membolehkan Pasukan Petugas sampai ke setiap tempat-tempat yang terpencil di seluruh negeri Sabah dan Sarawak.

**Soalan No: 41**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL</b>
	<b>(MACHANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ MACHANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana Kementerian mengambil kira 'nutritional standards' dalam menjalankan program makanan tambahan di sekolah-sekolah di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Rancangan Makanan Tambahan di sekolah rendah yang bertujuan untuk meningkatkan kecerdasan fizikal dan mental murid sekolah melalui pengambilan makanan tambahan yang berzat dan seimbang. Program ini melibatkan murid-murid daripada keluarga miskin dan kurang berupaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan program ini, KPM telah mengambil kira piawaian nutrisi berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia Tahun 2005. Sebanyak 20 menu disediakan dengan mengambil kira keperluan nutrisi murid berdasarkan kumpulan umur.

Rjm 70

**NO. AUM : 61**

**NO. AUP : 'fi-**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**DARIPADA**

**31 MAC 2010**

**TARIKH**

**2425**

**RUJUKAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan mengapa tidak ada tindakan undang-undang diambil terhadap bekas pegawai khas YAB Perdana Menteri, Dato' Nasir Safa yang mengaku mengeluarkan kata-kata bahawa 'orang India ke Malaysia untuk mengemis, orang Cina untuk jual tubuh badan' semasa seminar 1 Malaysia di Melaka pada bulan Februari 2010.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Taiping yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE  
                                  [SETIU]**

**TARIKH                    31 MAC 2010  
SOALAN**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit "Kencing Manis" mengikut negeri dari tahun 2005 hingga kini. Apakah langkah dan pertolongan yang telah diberikan bagi membantu pesakit ini.

Tuan Yang di-Pertua,

### **SOALAN NO : 43**

Jumlah kehadiran pesakit diabetes ke klinik kesihatan Kementerian Kesihatan didapati terus meningkat dari tahun ke setahun bagi semua negeri. Bagi Malaysia secara keseluruhan, jumlah kehadiran pesakit diabetes adalah seramai 521,792 pada tahun 2005 dan ini telah meningkat ke 2,263,269 pada tahun 2009. Negeri yang menunjukkan jumlah kehadiran yang tertinggi adalah Johor, diikuti Selangor dan Perak.

[Pecahan mengikut setiap negeri dipaparkan di lampiran MAKLUMAT TAMBAHAN]

Kementerian Kesihatan telah mengukuhkan Program Pencegahan dan Kawalan Diabetes Kebangsaan pada tahun 2000. Antara teras utama program ini adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan rawatan yang disampaikan di peringkat kesihatan primer atau klinik-klinik kesihatan Kementerian Kesihatan.

Rawatan diabetes boleh didapati di semua klinik kesihatan Kementerian Kesihatan di seluruh Malaysia. Rawatan yang disampaikan bukan sahaja oleh Pegawai Perubatan, tetapi juga melibatkan jururawat, penolong pegawai perubatan, pegawai dietetik dan juga pegawai zat makanan. Sejumlah 172 orang Pakar Perubatan Keluarga juga telah ditempatkan di 151 buah klinik kesihatan Kementerian Kesihatan di seluruh negara bagi menyampaikan rawatan pakar kepada pesakit diabetes yang bermasalah.

Kementerian Kesihatan juga telah menawarkan latihan pos- basik dalam "Pengurusan Diabetes" bagi anggota jururawat dan penolong pegawai perubatan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam penyampaian rawatan dan pendidikan kesihatan kepada pesakit diabetes. Sehingga kini, sejumlah 264 orang anggota Kementerian Kesihatan telah menjalani latihan pos basik tersebut.

Kementerian Kesihatan juga telah menubuhkan Pusat Sumber Diabetes di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan Kementerian Kesihatan. Pusat-pusat sumber ini dikendalikan oleh anggota kesihatan yang terlatih dan dikenali sebagai "Diabetes Educators". Pusat Sumber ini menyediakan maklumat dan perkhidmatan kaunseling kepada pesakit diabetes berkenaan penjagaan diri dan pengambilan ubat, termasuk penggunaan insulin.

Kementerian Kesihatan juga telah mengambil beberapa inisiatif mulai tahun 2009 untuk memantau dan meningkatkan kualiti perkhidmatan diabetes yang diberikan di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan, iaitu melalui pengenalan Sistem "Audit Klinikal Diabetes" dan Program "Kepastian Kualiti" (*Quality Assurance*) Diabetes. Kementerian Kesihatan memandang penyakit Diabetes sebagai satu isu yang amat serius bagi negara. Oleh yang demikian, usaha yang berterusan untuk mencegah dan mengawal penyakit ini adalah amat penting bagi mengurangkan beban penyakit diabetes kepada negara. Usaha terkini Kementerian Kesihatan untuk mencegah penyakit diabetes adalah dengan melaksanakan kempen kurangkan pengambilan gula mulai tahun 2010

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**NO. SOALAN:44**

**DARIPADA                    TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH                    31 MAC 2010**

**SOALAN**

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir mengikut kaum di semua peringkat perkhidmatan awam pada akhir tahun 2009 dan kemajuan yang dicapai di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 untuk mempelbagaikan kaum dalam sistem perkhidmatan awam kita.

**JAWAPAN :**      **YB DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2009, pencapaian pengisian keseluruhan di semua Perkhidmatan Awam (sektor awam) adalah sebanyak **1,247,894 orang**.

Perincian pengisian mengikut kaum adalah seperti berikut:-  
Pengisian Dalam Sektor Awam Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Etnik (Sehingga 31 Disember 2009)

**NO. SOALAN:44**

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BUMIPUTERA			Cina	India	JMIPUTERA		JUMLAH
	Melayu	Bumiputera Lain	Jumlah			Lain-lain	Jumlah	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	79.0%	1.8%	80.8%	10.1%	7.5%	1.6%	19.2%	100%
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	75.8%	4.9%	80.7%	10.8%	5.1%	3.4%	19.3%	100%
Kumpulan Sokongan	78.9%	8.5%	87.4%		3.7%	4.5%	12.6%	100%
<b>JUMLAH</b>	<b>78.2%</b>	<b>7.7%</b>	<b>85.9%</b>	<b>5.8%</b>	<b>4.0%</b>	<b>4.2%</b>	<b>14.1%</b>	<b>100%</b>

Sumber: (i) Sistem EIS, HRMIS sehingga 31 Disember 2009 [maklumat ini meliputi Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan (termasuk PDRM dan ATM), Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan].  
(ii) ATM dan PDRM (Maklumat adalah pada kedudukan 31 Mac 2009).

Nota: Maklumat yang diperoleh melalui Sistem EIS, HRMIS masih dikemas kini oleh agensi.

Berdasarkan statistik tersebut, walaupun kaum Melayu adalah lebih besar jumlah pengisiannya berbanding dengan kaum-kaum lain, namun 60.9% daripada mereka mengisi jawatan-jawatan dalam Kumpulan Sokongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh RMK-9, usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh telah menyaksikan perubahan yang positif dari segi pengambilan bukan Melayu khususnya oleh SPA di mana pada tahun 2006 seramai 3,979 calon bukan Melayu telah dilantik. Selanjutnya, diikuti dengan seramai 5,216 calon pada

NO. SOALAN:44

tahun 2007 dan seterusnya 8,025 pada tahun 2008. Bagi tahun 2009 sehingga 31 Ogos, jumlah pengambilan bukan Melayu oleh SPA adalah 7,938 orang.

Pelantikan dalam sektor awam dibuat berdasarkan kepada kelayakan akademik dan memenuhi syarat lantikan mengikut skim perkhidmatan. Oleh itu, Kerajaan yakin sekiranya permohonan dari kalangan bukan Melayu terus meningkat, bilangan calon-calon dari kalangan mereka yang berjaya dilantik juga akan dapat dipertingkatkan. Usaha ini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak terutamanya calon-calon bukan Melayu yang memiliki kelayakan akademik dan memenuhi syarat lantikan supaya memohon jawatan kepada Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan atau Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB  
(LANGKAWI)**

**TARIKH** **31 MAC 2010 (RABU)**

**SOALAN** DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TAN**

Berapakah jumlah keperluan beras negara bagi 3 tahun kebelakangan ini. Dari jumlah ini, berapakah jumlah pengeluaran negara dan berapakah jumlah yang diimport dan dari negara mana.

**SOALAN NO: 45**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Jumlah keperluan beras Negara bagi 3 tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Keperluan Beras Negara (MT)</b>	<b>Jumlah Pengeluaran Beras Negara (MT)</b>	<b>Jumlah Beras Diimport (MT)</b>
<b>2007</b>	<b>2,227,940</b>	<b>965,858</b>	<b>742,565</b>
<b>2008</b>	<b>2,244,340</b>	<b>1,036,211</b>	<b>1,033,720</b>
<b>2009</b>	<b>2,342,618</b>	<b>1,074,241</b>	<b>1,104,976</b>

Memandangkan jumlah pengeluaran beras Negara yang hanya mampu menghasilkan separuh daripada keperluan beras Negara, maka Kerajaan telah memutuskan untuk mengimport beras daripada Negara-negara lain bagi menampung keperluan tersebut. Kebanyakan beras yang diimport adalah daripada Negara-negara seperti Vietnam, Thailand, Pakistan, Myanmar dan India.

Jumlah import bagi 3 tahun kebelakangan ini daripada Negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Vietnam = 1,619,771 MT
- (b) Thailand = 1,101,375 MT
- (c) Pakistan = 111,194 MT
- (d) Myanmar = 24,566 MT
- (e) India = 15,822 MT

Negara	Jumlah Beras Diimport (MT)		
	2007	2008	2009
Vietnam	304,397	447,175	868,199
Thailand	405,344	551,586	144,445
Pakistan	22,669	30,053	58,472
Myanmar	0	0	24,566
India	6,289	2,098	7,435

NO.AUM : 7

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT LISAN

**PERTANYAAN**      **JAWAPAN**

DARIPADA 31 MAC 2010

31 MAC 2010

TARIKH 2418

RUJUKAN

**SOALAN** Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah kes yang akan dituduh, dan telah dituduh dan di jatuh hukum kerana pasport mereka tidak dicop di Kompleks Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Bukit Cagar. Apakah ada penyiasatan dijalankan terhadap kelemahan sistem pentadbiran dalaman dan perkhidmatan pihak berkuasa untuk mencari punca kejadian ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat dari Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jumlah kes tangkapan dan pendakwaan dibawah kesalahan Sek. 2(2) Akta Pasport 1966 (gagal mengemukakan pasport) bagi tahun 2009 khusus di Bangunan Sultan Iskandar, Bukit Chagar adalah 14 kes dan sehingga 15 Mac 2010 sebanyak 17 kes telah selesai pendakwaannya. Secara purata, tangkapan dilakukan terhadap mereka yang gagal melapor dan mengemukakan pasport yang sah kepada Pegawai Imigresen yang bertugas ketika meninggalkan Malaysia menuju ke Singapura.

Jabatan Imigresen Malaysia akan menjalankan siasatan terperinci keatas orang kena tuduh (OKT) dan pegawai pelapor. Adalah didapati kes-kes yang berlaku tidak berpunca daripada kelemahan sistem kawalan sedia ada di pintu masuk, tetapi adalah disebabkan kegagalan warganegara tersebut untuk hadir di hadapan pegawai imigresen sebelum meninggalkan Malaysia seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 dan 26 Akta Imigresen 1959/63 yang mengkehendaki mana-mana orang yang memasuki dan keluar dari Malaysia hendaklah hadir di hadapan seorang pegawai imigresen.

**NO SOALAN : 47**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

DARIPADA

**LISAN DATO' LILAH  
YASIN**

TARIKH

**31 MAC 2010**

**SOALAN**

**Dato' Lilah Yasin** minta **Perdana Menteri** menyatakan

- a) Bilakah kawasan Industri Feldajaya Serting, Jempol hendak dimajukan; dan
- b) Apakah bentuk perancangannya dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan Feldajaya Raja Alias mempunyai keluasan 1,000 ekar. Mengikut perancangan kawasan pembangunan bercampur ini merangkumi rumah kediaman moden, projek Industri Kecil Sederhana (IKS), kawasan perniagaan, pejabat dan juga institusi pendidikan. Pembangunan fasa pertama (1) telahpun siap

sepenuhnya pada tahun 2007 melibatkan kawasan seluas 207 ekar. Pembangunan fasa pertama mengandungi komponen iaitu banglo sebanyak 88 unit, 10 unit rumah kedai, Kolej Integrasi Ilmu (KINI), dewan komuniti, perpustakaan, tadika, pusat IT, medan selera, hentian bas dan taxi, surau, pasar dan pusat pentadbiran FELDA Wilayah Raja Alias.

Bagi fasa kedua, rumah mampu miliki untuk generasi peneroka sedang dirancang dan cadangan pelan susunatur sedang disediakan. Perancangan ini melibatkan komponen-komponen seperti rumah teres kos sederhana rendah sebanyak 150 unit, rumah teres kos rendah 400 unit dan 10 unit kedai setingkat. Kos bagi projek fasa kedua ini dianggarkan bernilai RM50 juta dan dijangka siap dalam tempoh dua (2) tahun. Pelaksanaan projek ini adalah bergantung penuh kepada kelulusan Kerajaan Negeri yang sedang diusahakan.

Berkaitan dengan kawasan IKS, mengikut perancangan ia akan dilaksanakan selepas projek perumahan mampu milik ini selesai dilaksanakan. Feldajaya Raja Alias akan menjadi pusat pertumbuhan baru di Daerah Jempol yang menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk tempatan. Ini juga bagi membolehkan penduduk di kawasan berkenaan menjadi sumber tenaga kerja di kawasan rancangan FELDA yang berhampiran.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN:  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM  
BANDAR BARU]  
TARIKH 31 MAC 2010

SOALAN :

TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN minta  
PERDANA MENTERI  
menyatakan

- a) Apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu-isu sensitif yang berkaitan agama Islam dan bukan Islam yang agak ketara akhir-akhir ini seperti perebutan jenazah, hak penjagaan anak dan lain-lain ; dan
- b) Apakah tindakan Kerajaan terhadap kegiatan pendakwahan agama bukan Islam, termasuk dakyah Kristian terhadap umat Islam di Malaysia termasuk menyebarkan risalah-risalah, bahan-bahan penerbitan dan lain-lain yang jelas bertentangan dengan Artikel 11(4) Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan undang-undang yang lain.

**JAWAPAN (Y.B. MEJAR JENERAL DATO SERI JAMIL KHIR  
BIN MAJID HARMONI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan sentiasa mengambil serius terhadap isu-isu sensitif yang berhubung kait dengan agama Islam dan bukan Islam serta mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam menangani isu-isu tersebut.

Dari segi perundangan, Kerajaan telah mencadangkan beberapa pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dengan mengambil kira kehendak masyarakat yang berbilang kaum, tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan kerangka Perlembagaan Persekutuan, selari dengan Hukum Syarak serta berasaskan prinsip keadilan.

Dalam penggubalan sesuatu undang-undang, Kerajaan amat teliti dan perlu mengambil berat peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan faktor-faktor lain yang berkaitan. Salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan adalah kepentingan-kepentingan orang Islam dan bukan Islam dalam negara ini, khususnya yang melibatkan sensitiviti agama masing-masing.

- b) Berhubung dengan tindakan Kerajaan terhadap kegiatan pendakwahan agama bukan Islam, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengawal

perkembangan pengembangan ajaran bukan Islam kepada orang- orang Islam di Malaysia melalui penggubalan undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Tindakan ini adalah berdasarkan kepada Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Beberapa buah negeri telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam.

Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ialah:

- (i) Terengganu (Enakmen Bil. 1 Tahun 1980)  
[Berkuat kuasa pada 1 April 1986, Tr. P.U.12]
- (ii) Kelantan (Enakmen Bil. 11 Tahun 1981)  
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 1987, Kn. P.U.7]
- (iii) Selangor (Enakmen No. 1 Tahun 1988)  
[Berkuat kuasa pada 8 Julai 1988]

- (iv) Melaka (Enakmen No. 1 Tahun 1988)  
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 1990]
- (v) Kedah (Enakmen Bil. 11 Tahun 1988)  
[Berkuat kuasa pada 1 Oktober 1988]
- (vi) Pahang (Enakmen No. 5 Tahun 1989)  
[Berkuat kuasa pada 1 Mac 1990]
- (vii) Johor(Enakmen No. 12 Tahun 1991)  
[Berkuat kuasa pada 23 April 1992]
- (viii) Negeri Sembilan (Enakmen No. 9 Tahun 1991)  
[Berkuat kuasa pada 5 April 2007]
- (ix) Perlis (Enakmen No. 6 Tahun 2002)  
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 2007]

Bagi Wilayah Persekutuan, Rang Undang-Undang Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam (Kawalan dan Sekatan) dicadangkan untuk dibentangkan pada Mesyuarat Parlimen yang akan datang ( sessi Jun 2010).

Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 49**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TAN SRI DATO* SERI ONG KA TING (KULAI)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATO\* SERI ONG KA TING [ KULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah SJK(T) Kulai Besar akan dibina semula di lokasi barn memandangkan bangunan bilik darjah sedia ada telah disahkan sebagai bangunan tidak selamat dan kapasiti serta tapak sekolah sekarang tidak lagi sesuai untuk menampung jumlah bilangan murid yang begitu ramai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Peruntukan bagi pembinaan semula SJK(T) Kulai Besar tidak dapat diteruskan kerana kekangan peruntukan. Ini adalah kerana pembinaan bangunan barn SJKT Kulai Besar telah meningkat kepada 5.46 juta daripada 1.2 juta peruntukan asal.

**LISAN NO.AUM : 26**  
**TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ] NO.AUP : SO**  
**31 MAC 2010**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**2420**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**           **Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ] minta  
RUJUKAN**          **MENTERI DALAM  
SOALAN**           **NEGERI menyatakan:-**

- (a) Adakah terdapat siasatan rapi mengenai punca kecurian 2 enjin jet TUDM yang baru-baru ini dijumpai di Uruguay dan apakah hasil siasatan tersebut; dan
- (b) Adakah terdapat mana-mana pegawai atasan yang ditahan dan akan dituduh di mahkamah

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, PDRM sedang menjalankan siasatan rapi ke atas kes tersebut dan kertas siasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    YB DATUK NUR JAZLAN MOHAMED**

**[PULAI]**

**TARIKH                      31 MAC 2010**

**SOALAN [51]                YB DATUK NUR JAZLAN MOHAMED [PULAI]**

minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan samada Kerajaan menyokong usaha untuk merapatkan hubungan Parlimen dengan Kongres Amerika Syarikat. Sila jelaskan sama ada penubuhan sebuah Kaukus Parlimen Malaysia dan Amerika Syarikat akan menjelaskan hubungan dua hala Malaysia dengan negara China



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong usaha untuk mengeratkan hubungan kerjasama dengan Amerika Syarikat di pelbagai peringkat, termasuk di antara Parlimen Malaysia dengan Kongres Amerika Syarikat. Ini kerana usaha sebegini boleh mendatangkan banyak faedah kepada Malaysia. Hubungan kerjasama yang sedia ada antara Malaysia dan Amerika Syarikat juga meliputi pelbagai bidang seperti perdagangan dan pelaburan, pertahanan dan keselamatan, pendidikan serta lain-lain bidang.

3. Kerajaan berpandangan bahawa penubuhan sebuah Kaukus antara Parlimen Malaysia dan Kongres Amerika Syarikat akan membolehkan kedua-dua institusi berinteraksi secara lebih rapat di peringkat legislatif dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala ke satu tahap yang lebih tinggi. Kerajaan berpandangan bahawa penubuhan Kaukus Parlimen Malaysia dan Kongres Amerika Syarikat tidak akan membawa kesan negatif ke atas hubungan Malaysia dengan negara China kerana Malaysia juga mempunyai hubungan yang erat dengan negara tersebut.

Sekian, terima kasih.



NO.AUM : 25

NO. AUP : ^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]

TARIKH 31 MAC 2010

RUJUKAN 2419

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang menghapuskan Akta Penerbitan dan Percetakan. Apakah tindakan Kerajaan ke atas editor dan pemilik akhbar Utusan Malaysia termasuk syarikat milik UMNO berikutnya laporan-laporan dan rencana-rencana yang menggugat keharmonian kaum.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

1. Izinkan saya menjawab soalan dari YB Ipoh Timur ini bersekali dengan empat (4) lagi soalan lain yang menyentuh apakah tindakan

**JAWAPAN:**

kerajaan terhadap media yang memainkan isu perkauman, khususnya akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian yang didakwa milik Parti UMNO. Soalan - soalan berkaitan ialah daripada YB Shah Alam pada 22 Mac; YB Gombak pada 31 Mac; YB Baling pada 15 April dan YB Petaling Jaya Utarajuga pada 15 April.

2. Pertamanya ingin saya tegaskan bahawa akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian bukanlah milik Parti UMNO.
3. Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Utusan Malaysia dan Berita Harian kerana laporan berita yang dibuat tidak menghina mana-mana kaum dan agama tetapi hanya membangkitkan isu-isu yang mendapat perhatian bangsa sendiri.
4. Usaha kerajaan untuk mencegah bagi memastikan media tidak mencetuskan isu perkauman (berkaitan soalan YB Shah Alam) antaranya ialah mengadakan Garis Panduan Penerbitan, mengadakan sesi pertemuan dengan ketua editor/editor, nasihat, teguran, peringatan dan tindakan terakhir ialah tindakan undang- undang berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa.



**SOALAN NO: 53**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**

<b><u>PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u></b>	
<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
<b>DARIPADA</b>	DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM)
<b>TARIKH</b>	31 MAC 2010 (RABU)
<b>SOALAN</b>	DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

**Setakat manakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan baja organik dalam penanaman padi bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan mengurangkan risiko serangan penyakit padi.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Dalam usaha kerajaan menggalakkan penggunaan baja organik bagi penanaman padi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Skim Insentif Pengeluaran Padi bermula tahun 2007. Di bawah skim ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM95.06 juta pada tahun 2009 dan RM15 juta bagi tahun 2010.**

Melalui skim ini, semua pesawah diberikan baja tambahan berupa baja organik supaya kesuburan tanah dapat diperbaiki dan seterusnya hasil padi dapat ditingkatkan. Bagi menggalakkan pesawah mengamalkan penggunaan baja organik, mereka perlu diberi pemahaman dan pengetahuan yang sewajarnya mengenai kelebihan penggunaannya memandangkan kesan yang diperoleh adalah lambat.

Selain itu, baja organik tidak bertindak sebagai bahan untuk mencegah atau mengurangkan risiko serangan serangga perosak dan penyakit tanaman padi. Penyelidikan ke atas baja organik dijalankan oleh MARDI sama ada kajian untuk menghasilkan formulasi atau aspek-aspek yang berkaitan dengan penggunaannya. MARDI juga sering mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat pengeluar baja organik bagi menentu sahkan keberkesanan sesuatu baja organik yang mereka hasilkan. Projek-projek penyelidikan tersebut dilaksanakan sama ada melalui usaha sama atau melalui penyelidikan kontrak.

Hasil penyelidikan yang dijalankan mendapati bahawa penggunaan baja organik dapat membantu memperbaiki kesuburan tanah sawah. Nutrien daripada baja organik ini dibebaskan secara perlahan dan dengan demikian dapat dimanfaatkan oleh tanaman sepanjang tempoh pertumbuhannya. Oleh itu, kesan penggunaan baja organik tidak dapat dilihat serta merta seperti mana baja kimia.

Penggunaan baja organik adalah lebih kepada pemuliharaan kesuburan tanah dan sedikit sahaja kesan pada penambahan nutrien untuk tanaman. Namun penggunaannya dalam jangka masa panjang akan memberi kesan kepada tanaman padi sama ada secara terus atau sebaliknya.

Kesan penggunaannya juga bergantung kepada kadar yang digunakan. Penggunaan baja organik pada kadar sehingga 1.5 tan metrik sehektar yang berterusan mampu memberi kesan hasil yang positif. Pada masa ini kadar antara 100 hingga 120 kilogram sehektar bermilai RM140 dibekalkan kepada pesawah oleh

kerajaan melalui Skim Insentif Pengeluaran Padi.

Bilangan sebenar pengusaha dan pengedar baja organik dalam negara tidak diketahui dengan tepat. Walau bagaimanapun lebih daripada 30 buah syarikat pengeluar dan pengedar baja organik yang dikenal pasti beroperasi secara aktif pada masa kini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]**

**TARIKH 31 MAC 2010 (RABU)**

**SOALAN**

Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha Kerajaan Pusat memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat Kelantan mengenai isu tuntutan royalti minyak yang diganti dengan wang ihsan yang mana sekarang menjadi isu politik yang hangat di Kelantan. Apakah Kerajaan Pusat bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja dan keputusan sama ada negeri-negeri yang ditemui minyak berhak menerima 5% royalti kerana keputusan yang dibuat oleh Badan Bebas boleh membantu menyelesaikan isu royalti minyak atau wang ihsan.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah merangka dan melaksanakan siri penerangan yang komprehensif bagi memperjelaskan situasi sebenar kepada rakyat khususnya kepada rakyat Kelantan. Usaha ini bertujuan membolehkan rakyat Kelantan mendapat maklumat yang tepat dan memahami kedudukan sebenar, selain menangani penyelewengan fakta oleh pihak-pihak tertentu.

Penjelasan dilaksanakan menerusi pelbagai saluran media dan fokus penjelasan meliputi 2 perkara utama iaitu:

- i. Isu hak dan undang-undang; dan
- ii. Pelan agihan dan pelaksanaan wang ehsan.

Kementerian juga menerbitkan risalah yang bertujuan untuk memberi fakta dan penjelasan mengenai isu tuntutan ini. Fakta dan penerangan diberi adalah berdasarkan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan perjanjian yang telah ditandatangani oleh Petronas dan Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1975.

KPKK selaku Kementerian yang bertanggungjawab menjelaskan dasar-dasar kerajaan akan meneruskan usaha ini sehingga seluruh rakyat negeri Kelantan sedar dan faham tentang kedudukan sebenar isu tuntutan wang hasil petroleum oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja tentang isunya kerana dari sudut perundangan, negeri Kelantan dan Terengganu hanya mempunyai hak untuk menuntut pembayaran bagi sumber petroleum sekiranya ia diperoleh daripada kawasan perairan yang sah di sisi undang-undang. Memandangkan pada masa ini, kesemua pengeluaran petroleum adalah di luar kawasan perairan negeri Kelantan, isu pembayaran royalti tidak berbangkit.

**SOALAN NO :**

**55 PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI  
HAMZAH**

**TARIKH**

**31 Mac 2010**

**SOALAN**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme perlaksanaan dan pemantauan dana RM15 bilion Tabung Intensif Kewangan Swasta (PFI) di bawah RMKe-10 yang tujuan dasarnya ialah untuk memastikan syarikat yang menghadapi masalah kewangan dapat meneruskan projek mengikut tempoh yang telah ditetapkan supaya ianya tidak disalah gunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi mempergiatkan dan memacu semula pertumbuhan ekonomi khususnya meningkatkan pelaburan sektor swasta, maka Kerajaan telah menyediakan dana khas yang dikenali sebagai Dana Fasilitasi (atau *PPP Facilitation Fund*). **Tujuan dana ini** adalah bagi menyemarakkan lagi aktiviti pelaburan sektor swasta melalui sokongan pembiayaan Kerajaan berbentuk '*tipping point*' bagi membolehkan sesuatu projek menjadi berdaya maju **dan bukannya bertujuan membantu projek -projek terbengkalai ataupun projek sakit**. Dijangka melalui Dana Fasilitasi,

projek swasta yang strategik dapat dilaksanakan dengan kesan gandaan yang tinggi (high profits). Peruntukan yang akan disediakan akan diumumkan dalam RMKe-10 yang akan dibentangkan.

Dana ini merupakan sebahagian kecil bantuan Kerajaan iaitu tidak melebihi 15% daripada jumlah kos projek atau maksimum RM200 juta untuk sesuatu projek atau mana satu yang lebih rendah. Penyaluran (*disbursement*) dana akan dibuat berdasarkan kriteria dan syarat kelayakan antara lain adalah seperti berikut:-

- i. Majoriti ekuiti dan pengurusan dimiliki oleh syarikat tempatan;
- ii. Projek yang dicadangkan mempunyai nilai tambah atau nilai pengganda yang tinggi kepada ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan secara berterusan;
- iii. Nilai ekuiti tidak kurang daripada 10% dari nilai projek dan perlu diperuntukkan sebelum pelaksanaan projek;
- iv. Mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran/kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan; dan
- v. Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil bagi projek.

Bagi memastikan penyaluran dana adalah tepat dan berkesan serta mengelak penyalahgunaan dana maka mekanisme berikut akan digunakan:-

- i. Permohonan yang diterima dari pihak swasta akan dinilai dan diperakukuan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (PPP) sebelum diangkat kepada Majlis Ekonomi untuk kelulusan;

Hanya projek yang diluluskan pinjaman oleh pihak bank sahaja yang akan menerima dana daripada Kerajaan;

Satu perjanjian akan dimeterai di antara pihak Kerajaan dan pihak syarikat, tertakluk kepada penyerahan sesalinan dokumen kelulusan pinjaman bank dan yang berkaitan; dan

Pelaksanaan projek akan dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Pemantauan Projek, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN SIVARASA a/l RASIAH [SUBANG]**

**TARIKH 31 MAC 2010**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa dalam 141 kes kematian dalam tahanan polis (dari 2000-2009), hanya 20 inkues dijalankan padahal inkues diwajibkan di bawah seksyen 334 Kanun Acara Jenayah.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inkuiiri adalah diwajibkan di dalam kes yang melibatkan kematian tahanan di bawah jagaan polis seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 334 Kanun Acara Jenayah. Sekiranya Majistret memutuskan untuk tidak menjalankan inkuiiri terhadap kes-kes

**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

tersebut, pihak Pendakwa Raya mempunyai kuasa di bawah Seksyen 339 Kanun Acara Jenayah untuk mengarahkan Majistret mengadakan inkir bagi menentukan punca-punca kematian tahanan di bawah jagaan polis tersebut.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENGERANG) MULUT</b>
<b>PERTANYAAN</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>
<b>SOALAN NO</b>	<b>57</b>

**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said ( Pengerang )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kerajaan akan memberikan pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat swasta yang berminat untuk memberikan penajaan dan sumbangan kepada badan-badan sukan di negara ini. Ia bertujuan untuk membolehkan industri sukan negara diperkasa sekali gus menarik lebih ramai penglibatan generasi muda. Faktor Kewangan dilihat merupakan salah satu punca kepada penurunan prestasi atlet-atlet negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menggalakkan pertumbuhan industri sukan negara, Kerajaan memberi pengecualian cukai seperti berikut:

**Soalan NO: 57**

- (i) Potongan atas sumbangan kepada aktiviti-aktiviti sukan ("Seksyen 44(11B) Akta (Sukai Pendapatan 1967)

Sumbangan dalam bentuk wang tunai atau barang kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atau badan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dibenarkan sebagai potongan terhad kepada 10% pendapatan agregat. Potongan ini dibenarkan mulai tahun taksiran 2007.

- (ii) Pengecualian atas hadiah kemenangan dalam pertandingan sukan (Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.23)1990) (P.U.(A)428)

Hadiah kemenangan dalam mana-mana pertandingan sukan yang diterima oleh seorang individu ahli sukan profesional dikecualikan daripada cukai pendapatan mulai tahun taksiran 1990.

- (iii) Potongan bagi perbelanjaan pengiklanan barang jenama Malaysia (Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan 2002) (P.U.(A)62)

Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1998 membenarkan syarikat menuntut potongan perbelanjaan iklan barang jenama Malaysia bagi tujuan penajaan suatu acara sukan bertaraf antarabangsa yang diadakan di Malaysia dan

diluluskan oleh Menteri bertanggungjawab terhadap sukan. Potongan ini juga layak untuk menerima potongan dua kali sebagai tambahan kepada potongan yang dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sukan (Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 10 Akta Cukai Jualan 1972)

Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi kepada badan/persatuan sukan ke atas pembelian / perolehan alat kelengkapan sukan bagi kegunaan ahli sukan di dalam pertandingan dan acara sukan peringkat negeri atau antarabangsa.

## **SOALAN NO. 58**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**                           **YB TUAN LIM LIP ENG (DAP) (SEGAMBUT)**

**TARIKH**                              **31 MAC 2010 (RABU)**

### **SOALAN**

**Y.B. Tuan Lim Lip Eng (DAP) (Segambut) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jenis OKU yang layak menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mengapa orang yang cedera tidak boleh dikategorikan sebagai OKU.**

### **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) jenis OKU yang layak menerima bantuan berdasarkan Skim Bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu**

- 1) OKU yang bekerja dan berpendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan;**
- 2) OKU yang tidak berupaya bekerja disebabkan kecacatan yang teruk;**
- 3) OKU dalam kategori yang terlantar dan memerlukan penjagaan sepenuh masa;  
dan**
- 4) OKU yang memerlukan penggunaan alat tiruan/alat sokongan.**

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang sama ada fizikal, mental, intelektual atau deria yang boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. OKU pula dikategorikan kepada tujuh (7) iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, masalah pembelajaran, kurang upaya mental dan pelbagai (*multiple disabilities*).

Orang yang cedera boleh dikategorikan sebagai OKU sekiranya disahkan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar sebagai mengalami kurang upaya jangka panjang mengikut tujuh (7) kategori seperti yang disebutkan.



**Soalan No : 59**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>LISAN</b> <b>Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan membangunkan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di dalam DUN Bagan Pinang berharga RM30 juta se pertimana yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri ditapak berkenaan dalam kempen pilihan raya kecil Bagan Pinang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Peruntukan sebanyak RM30 juta yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam kempen pilihanraya kecil adalah untuk tujuan membangunkan SK Taman Intan dan SMK Taman Intan, Bagan Pinang. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut tidak termasuk pembangunan SJKC di DUN Bagan Pinang.

**SOALAN NO. 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD 31 Mac 2010  
**TARIKH**  
**SOALAN**

**Y.B. Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah dalam suasana kegawatan ekonomi di mana rakyat dikenakan bebanan tambahan, Kerajaan terus melakukan penyerahan projek secara rundingan terus seperti dalam kes Naza - TTDI dan Pusat Pameran, Persidangan dan Perdagangan baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan memberikan pertimbangan **kelulusan terhadap cadangan projek ini pada tahun 2007** adalah dengan mengambilkira nilai kemudahan yang ditawarkan (Matrade Centre) oleh syarikat Naza TTDI iaitu **RM628 juta** adalah **tiga kali ganda lebih tinggi** daripada nilai tanah pertukaran. Disamping itu, Kerajaan mendapati **perlaksanaan projek ini adalah berbaloi dan efektif** serta mengambilkira bahawa projek yang akan dilaksanakan adalah **projek yang** berimpak tinggi yang memerlukan syarikat yang mempunyai kapasiti dan keupayaan yang kukuh dari aspek teknikal dan kewangan dalam melaksanakan projek tersebut.

**NO. SOALAN : 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA YB TUAN TONY PUA KIAM WEE**

**[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH 31 MAC 2010**

**SOALAN**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada DEB yang diakui dalam hala tuju Program Transformasi Kerajaan sebagai menyebabkan “rasa kehilangan hak, diskriminasi dan...rasa geram” oleh bukan Bumiputera, yang “mendorong ramai...golongan profesional, untuk bekerja dan tinggal di luar negeri”, akan dikekalkan.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemiskinan dan ketaksamaan antara etnik dalam penyertaan ekonomi dan pengagihan kekayaan telah dikenal pasti sebagai punca utama ketegangan antara etnik, persengketaan dan ketidak stabilan sosio-politik Malaysia pada lewat 1960-an. Oleh sebab itu, pertimbangan sosio-ekonomi ini telah membentuk asas kepada rumusan dan pelbagai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak tahun 1971.

Matlamat pertama DEB, iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, sebahagian besarnya tercapai. Matlamat keduanya mengenai penstrukturkan semula penyertaan ekonomi dan pemilikan kekayaan dalam masyarakat juga telah mendapat kejayaan dalam meningkatkan bilangan dan peratusan profesional Bumiputera. Bagaimanapun, walaupun pembahagian ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat secara mutlak, ianya tidak berubah dalam pengukuran yang relatif. Pelaksanaan DEB telah juga membawa kepada keadaan yang tidak diduga, termasuk kemunculan 'ekonomi dwi-kelajuan', meluaskan ketidak-samarataan, peningkatan perasaan tidak berpuas hati dan bilangan rakyat berbakat meninggalkan Negara kian meningkat. Adalah penting bagi semua perkara ini ditangani, jika tidak, daya saing, daya tahan dan kestabilan ekonomi kita dan perpaduan negara akan terjejas.

Seiring dengan GTP, Model Ekonomi Baru telah dibentuk selaras dengan gagasan 1 Malaysia . Idea-idea yang dicadangkan berdasarkan kepada perbincangan dalam makmal dan maklum balas daripada pelbagai sumber khususnya untuk menggalakkan gabungan antara kaum yang lebih efektif dan perpaduan dalam bidang ekonomi termasuk:

- Merangka strategi yang lebih tertumpu dan berkesan untuk memanfaatkan keupayaan linguistik, hubungan budaya dan anutan agama yang berbeza oleh rakyat Malaysia untuk menerokai dan memanfaatkan lagi peluang ekonomi di

pasaran sedang membangun di China, India dan negara-negara Islam

- Menjalin kerjasama dan penyertaan yang sebenar dalam perusahaan perniagaan untuk pasaran luaran dan domestik, dengan menumpukan pada produk dan perkhidmatan yang memanfaatkan kepelbagaiannya kita seperti kewangan Islam
- Merangka sebuah strategi ‘brain gain’ (mendapatkan tenaga kerja berkemahiran) yang lebih berkesan dan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif untuk menarik tenaga mahir, merangkumi orang Malaysia dan bukan Malaysia, untuk memberikan sumbangan kepada pelbagai bidang ekonomi berasaskan pengetahuan
- Berhubung dan meyakinkan diaspora Malaysia untuk melabur di Malaysia atau membantu memasarkan produk dan perkhidmatan Malaysia di negara atau tempat tinggal mereka masing-masing
- Mencegah diskriminasi berdasarkan ciri perkauman atau keupayaan linguistik dalam iklan pekerjaan

Sekian, Terima kasih.

*SULIT*

NO SOALAN : 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

## **PERTANYAAN :**

Y.B TUAN WILLIAM  
LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)

31.03.2010  
(ISIN)

TARIKH

## **SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah yang telah diambil terhadap mereka yang menjual rahsia ketenteraan kepada kedutaan asing dan mengapa mereka tidak dikenakan hukuman penderhakaan.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan mendapatkan maklumat ketenteraan secara salah oleh operatif perisikan dari sebuah kedutaan asing di Kuala Lumpur dengan menjadikan warga Kementerian Pertahanan sebagai sasaran telah dikesan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) melalui penyiasatan risik balas yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Operasi susulan BSPP seterusnya (*turnover operation*) telah membolehkan kegiatan penyuluhan ataupun *espionage* tersebut dapat dipantau dan dikawal oleh BSPP dengan warga Kementerian Pertahanan yang dijadikan sasaran memberikan sepenuh kerjasama untuk membongkar kegiatan tersebut.

Kementerian tidak akan mendedahkan individu yang dijadikan sasaran kerana mereka adalah merupakan sumber BSPP yang perlu dilindungi dan identitinya dirahsiakan. Mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat kerana beliau sebenarnya telah berkerjasama dengan pihak BSPP untuk membongkar kegiatan penyuluhan ini. Di samping itu, dengan mengambilkira kedudukan hubungan dua-hala yang selesa, maka pihak kedutaan asing yang berkaitan tidak

**SULIT**

sesuai untuk didedahkan. Dalam konteks ini, hanya tindakan diplomatik diperkirakan supaya kegiatan penyuluhan oleh anggota kedutaan asing berkaitan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui kawalan ke atas sasaran penyuluhan tersebut, BSPP telah menapis dan mengolah maklumat-maklumat yang didedahkan agar ianya tidak melibatkan perkara-perkara sensitif atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan kepentingan strategik ketenteraan negara. Justeru itu, isu pembocoran maklumat ini tidak sama sekali menjaskan tahap keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu pembocoran maklumat yang diumumkan secara terbuka tempoh hari adalah bertujuan untuk mengingatkan semua peringkat warga Angkatan Tentera Malayaia (ATM) dan Kementerian Pertahanan bahawa mereka sentiasa terdedah kepada ancaman penyuluhan. Mereka pada dasarnya boleh dijadikan sasaran ancaman penyuluhan oleh badan perisikan asing secara tidak sedar dan

**SULIT**

**kepekaan mereka mengenai kewujudan ancaman tersebut  
adalah merupakan langkah pencegahan awal.**

**&2>**

**SOALAN NO:**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN:</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB DR. TAN SENG GIAW</b>
	<b>[KEPONG]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>RABU, 31 MAC 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>05 [PR-1231-L36952]</b>
<b>SOALAN</b>	

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan bilangan syarikat untuk mengutip fi parkir (parking fees) di seluruh Kuala Lumpur dan kriteria untuk melantik mereka serta jumlah wang parkir yang dikutip setiap tahun. Bagaimana kadar bayaran, masa dan tempat-tempat parkir ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, ketika ini, terdapat **dua (2) jenis pengutipan fi parkir** (parking fees) bagi tempat letak kereta di Wilayah Persekutuan iaitu **tempat**

**letak kereta terkawal** dan **termat letak kereta teoi jalan.**

### **TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL**

Pada masa ini, terdapat **28 buah tapak tempat letak kereta terkawal** di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur. Sebanyak **22 buah syarikat** telah dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui proses tender terbuka bagi mengutip fi parkir di tempat letak kereta terkawal di sekitar Kuala Lumpur. Di antara **kriteria pelantikan** kontraktor-kontraktor tersebut adalah :

- (i) syarikat mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (ii) mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh; dan
- (iii) menyatakan analisa kos cadangan bayaran sewa bulanan.

**Penetapan kadar bayaran bulanan dan masa beroperasi sesebuah tapak adalah berdasarkan kiraan jumlah petak di dalam kawasan tempat letak kereta tersebut.**

Anggaran *turn over* dan masa serta penetapan lokasi bagi tapak tempat letak kereta terkawal dibuat **berdasarkan pemerhatian pihak DBKL** ke atas keperluan tapak-tapak milik DBKL untuk tempat letak kereta. Turut diambil kira adalah **faktor penggazetan tanah-tanah milik DBKL bagi dijadikan tapak tempat letak**

**kereta.**

**TEMPAT LETAK KERETA TEPI SALAN** Sementara itu, bagi **tempat letak kereta tepi jalan** pula, pihak DBKL telah melaksanakan **Sistem Tempat Letak Kereta Elektronik (SLKE)**. Melalui proses tender terbuka yang dilaksanakan, terdapat **4 kontraktor** yang didapati layak untuk dilantik secara kontrak selama 5 tahun. Tanggungjawab utama kontraktor yang dilantik adalah untuk **menvelenaaara semua mesin SLKE** dan melakukan **pemunautan cai letak kereta** yang ditetapkan kepada pengguna mesin SLKE.

**Kadar yang dikenakan kepada pengguna tempat letak kereta tepi jalan** adalah :

- (I) di pusat bandar - RM0.80 untuk setiap jam;
- (II) di luar pusat bandar - RM0.50 untuk setiap jam.

Kadar ini adalah seperti yang **termaktub di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987**. Masa operasi bagi tempat letak kereta tepi jalan (SLKE) pula adalah dari **7:30 pagi hingga 6:00 petang setiap hari** (kecuali hari Ahad dan cuti umum). Sistem ini telah dipasang di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur dengan tumpuan di kawasan-kawasan komersial. Untuk makluman, **kutipan bagi kedua-dua jenis parkir** tersebut adalah lebih kurang **RM9.8 juta setahun**.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL  
ANUAR BIN NASARAH  
(LENGGONG)**

**TARIKH : 31 MAC 2010**

**SOALAN : ^**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah usaha bagi mencapai NKRA dan MKRA yang Kementerian sasarkan:-

- (a) isu bekalan air bersih Kampung Bukit Sapi, Kg. Chepor, Kg. Laut, Kg. Beng dan Kg. Batu Ring dalam kawasan Parlimen Lenggong amat mustahak. Apa langkah Kementerian menyelesaikan masalah ini; dan
- (b) status jalan daripada Kg. Talong Luat, Lenggong ke Kg. Batu Ring, Lenggong.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha Kerajaan meningkatkan perkhidmatan bekalan air di luar bandar, Kementerian ini melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), telah menyenarai projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Parlimen Lenggong merangkumi Kg. Bukit Sapi, Kg. Chepor, Kg. Laut dan Kg. Beng dengan anggaran kos sebanyak RM2.0 juta yang dapat memberi manfaat kepada 61 buah rumah. Pelaksanaan projek tersebut dijangka bermula pada tahun 2012. Manakala bagi bekalan air ke Kg. Batu Ring, Kementerian ini akan menyenaraikannya dalam RMK-10 dengan tahun pelaksanaannya bermula pada 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini

Kementerian belum menerima permohonan berhubung cadangan projek jalan daripada Kg. Talong Luat, Lenggong ke Kg. Batu Ring, Lenggong.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA                  PUAN TEO NIECHING**  
                                  [SERDANG]  
**TARIKH                  31 MAC 2010**  
**SOALAN**

**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pakar yang berkhidmat di luar negara dan hospital swasta tetapi telah kembali ke hospital Kerajaan sejak Mac 2008 dan bilangan doktor pakar hospital Kerajaan yang mengalir keluar sejak Mac 2008.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**SOALAN NO : 66**

Bermula pada tahun 2008 sehingga kini, jumlah Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di luar negara dan Pegawai Perubatan Pakar daripada hospital swasta yang telah kembali berkhidmat di hospital Kerajaan adalah seramai 32 orang. Daripada 32 orang tersebut, 29 orang telah dilantik secara kontrak dan 3 orang telah dilantik secara tetap (*multiple entry*) untuk berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi tempoh yang sama, sejumlah 150 orang Pegawai Perubatan Pakar telah meletak jawatan dan keluar daripada perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

**NO. SOALAN: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH 31 MAC 2010**

**SOALAN**

**Y.B. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini draf "Energy Policy" yang dijanjikan siap pada akhir tahun lepas.

**CADANGAN JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian "Energy Policy" telah disiapkan. Secara amnya, Kerajaan bersetuju dengan empat (4) teras utama kajian untuk dijadikan hala tuju ke arah memastikan pembangunan sektor tenaga negara yang mampan. Empat teras utama tersebut adalah seperti berikut:

- i. penetapan harga tenaga berdasarkan prinsip pasaran;
- ii. mempelbagaikan sumber tenaga;
- iii. mempergiat inisiatif kecekapan tenaga; dan
- iv. menambahbaik tadbir urus.

Pernyataan dasar dan inisiatif berkaitan dengan empat teras utama ini akan dimasukkan ke dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk tujuan pelaksanaan.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN** **SOALAN NO: 67**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31 MAC 2010 (RABU)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan Sama ada Kerajaan bercadang membuka permohonan tabung TEKUN Nasional kepada semua kaum secara sama rata selaras dengan konsep 1 Malaysia, jika tidak, apakah sebabnya.</b>
<b>JAWAPAN</b>	<b>Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani</b>

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk membuka pinjaman TEKUN kepada Bukan Bumiputera kerana Program TEKUN adalah untuk membantu usahawan Bumiputera yang ingin memulakan dan meningkatkan perniagaan melalui pembiayaan mudah tanpa penjamin dan cagaran selaras dengan penubuhan TEKUN Nasional pada 9 November 1998. Majoriti usahawan Bumiputera menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman melalui institusi-institusi kewangan yang menetapkan syarat-syarat permohonan yang agak ketat.

Bagaimanapun, pada tahun 2007 TEKUN Nasional telah melaksanakan Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) dengan kerjasama Yayasan Strategik Sosial (YSS), sebuah NGO di bawah Program Khas Pembasmian Kemiskinan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM15 juta. Program ini bertujuan memberikan kemudahan pembiayaan untuk menjalankan perniagaan di kalangan belia India. Dalam ucapan belanjawan 2010, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan RM20 juta untuk usahawan kecil Kaum India di bawah Dana Khas EPU - SPUMI.

**NO SOALAN : 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
**TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT**

TARIKH

**31 MAC 2010**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keluasan tanah yang diberikan tiap-tiap negeri seluruh Negara kepada FELDA untuk dimajukan sejak tahun 1990 hingga Mac 2010. Berapakah keluasan yang telah dimajukan dan jumlah peserta baru yang telah diambil menjadi peneroka.

**JAWAPAN**

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula pada tahun 1990 Kerajaan telah mengambil keputusan supaya tidak lagi menempatkan peneroka baru di tanah rancangan FELDA. Ini bermakna tiada tanah-tanah baru dibangunkan oleh FELDA. Keputusan untuk tidak memasukkan peneroka ini bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan masalah kekurangan tanah. Kerajaan terpaksa menyediakan sejumlah peruntukan yang besar untuk mewujudkan sebuah penempatan baru dan menyediakan banyak kemudahan asas seperti jalan raya, sekolah, klinik, kemudahan



awam dan sebagainya. Di samping itu tanah-tanah baru yang sesuai untuk dibangunkan semakin terhad dan berkurangan.

Walaupun begitu, pada tahun 2006 Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk mengkaji semula dasar pengambilan peneroka ini tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri menawarkan tanah baru untuk pembangunan. Keputusan ini diambil sebagai salah satu usaha mengatasi isu kemiskinan tegar yang masih terdapat di beberapa negeri. Pembukaan tanah baru ini perlu mendapat persetujuan Kerajaan Negeri untuk dibangunkan oleh FELDA. Sebagai mengatasi kos penempatan dan infrastruktur yang besar, Kerajaan mencadangkan supaya model pembangunan tanah yang baru mungkin adalah berdasarkan pembangunan ladang yang keluasannya lebih kecil untuk setiap peserta dan tanpa penempatan. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri memberi pertimbangan menawarkan tanah baru kepada Kerajaan Pusat disamping mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk miskin tegar.

Pada masa ini seluas 853,313 hektar telah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk dibangunkan oleh FELDA dengan pecahan 811,140 hektar adalah kawasan pertanian dan 42,173 hektar kawasan kediaman. Pecahan keluasan mengikut negeri adalah seperti berikut: Pahang (319,145 hektar), Johor (154,839 hektar), Sabah (122,034 hektar), Negeri Sembilan (90,316 hektar), Terengganu (48,353 hektar), Kelantan (43,415 hektar), Perak (37,869 hektar), Kedah (15,252 hektar), Sarawak (7,680 hektar), Perlis (5,821 hektar), Melaka (5,786 hektar) dan Selangor (2,803 hektar) melibatkan seramai 112,635 peneroka dan kira-kira 1.5 juta orang keseluruhan warganya.

oooooooooooooooooooo

**NO. AUM : 73**

**NO. AUP : (o\*I**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [  
LISAN TENGGARA]**

**TARIKH 31 MAC 2010**

**RUJUKAN 2426**

**SOALAN:**

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan langkah serius Kerajaan terhadap penulis blog yang didapati menghina Institusi Beraja dan yang menyentuh sensitiviti agama dan kaum bagi memastikan perbuatan tidak bertanggungjawab ini tidak berleluasa sehingga menggugat keamanan dan kestabilan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggara yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan memandang serius dan memantau aktiviti blog-blog di Negara ini. Kerajaan menerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) dan Cyber Security Malaysia boleh mengambil tindakan untuk menyekat capaian atau akses ke blog-blog yang didapati menyebarkan maklumat yang tidak bertanggungjawab dan boleh mencetuskan ketegangan dalam masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa yang sama, penulis blog yang didapati menghina Institusi Beraja dan menyentuh sensitiviti agama boleh disiasat dan diambil tindakan di bawah Akta Hasutan1948.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN**

## **RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	31 MAC 2010 (RABU)
DARIPADA	Y.B. TUAN GOBIND SINGHDEO (PUCHONG)

### **SOALAN**

**Y.B. TUAN COBIND SINGH DEO (PUCHONG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN kerajaan tempatan** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah pun diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah rumah terbengkalai di kawasan Puchong dalam tempoh 24 bulan lalu.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelaskan status kemajuan sesuatu projek perumahan swasta, istilah berikut digunakan oleh pihak Kementerian

**(I) Projek lewat** ■ ditakrifkan sebagai projek - projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli adalah antara 10% sehingga 30%.

**(II) Projek sakit** ■ ditakrifkan sebagai projek - projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang

ditetapkan dalam perjanjian jual beli adalah melebihi 30%; dan

**(III) Projek terbengkalai** - ditakrifkan sebagai projek yang

**SOALAN (70)**

didapati tiada aktiviti pembinaan yang ketara di tapak selama enam (6) bulan atau syarikat telah digulung.

Setakat ini, terdapat 13 projek lewat dan satu (1) projek sakit serta tiada projek terbengkalai di Parlimen Puchong telah dikenalpasti. Senarai projek adalah seperti di Lampiran.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi projek bermasalah (sakit dan lewat) ini termasuklah pemantauan secara rapi melalui mekanisme penghantaran Laporan Kemajuan Projek atau Laporan 7F oleh pemaju pada setiap enam bulan dalam tempoh pembinaan atau mengikut keperluan Pengawal Perumahan. Selain daripada itu, pihak Kementerian turut mengadakan lawatan ke tapak projek dan premis Pemaju bagi projek yang telah dikenalpasti sebagai projek bermasalah sebagai susulan daripada Laporan 7F yang telah dikemukakan oleh pihak Pemaju.

Pemantauan secara rapi ke atas Akaun Pemajuan Perumahan (HDA) melalui semakan transaksi dan penyenggaraan yang dibuat oleh pemaju selaras dengan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) serta semakan Laporan Kewangan Beraudit syarikat Pemaju untuk memastikan Akaun Syarikat Pemaju dan Akaun Pemajuan Perumahan sentiasa diaudit dan berada dalam keadaan teratur turut dilaksanakan.

Suatu kompaun dan tindakan pendakwaan ke atas pemaju yang didapati melakukan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 19 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) atau peraturan yang berkaitan boleh dikenakan kompaun seminimum RM50,000.00 dan maksima RM250,000.00 mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Kementerian ini turut mengadakan mesyuarat bersama pemaju serta agensi-agensi/jabatan-jabatan teknikal berkaitan untuk mencari penyelesaian kepada projek bermasalah disamping menyenaraihitam syarikat dan kesemua ahli lembaga pengarah syarikat yang terlibat dengan projek sakit bagi tujuan menghalang permohonan individu atau syarikat pemaju tersebut untuk terlibat di dalam sebarang pembangunan projek perumahan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010



**NO.SOALAN : 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Dr Haji Mohd Hayati bin Othman (Pendang)**

**TARIKH                    31 Mac 2010 (Rabu)**

**SOALAN**

**Dr Haji Mohd Hayati bin Othman (Pendang)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah simpanan Amanah Raya hasil daripada kegagalan waris menuntut hart a si mati dan apakah yang dilakukan ke atas simpanan tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO\* SERI MOHAMED NA2RI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah yang boleh dikaitkan di sini yang diklasifikasikan oleh AmanahRaya sebagai Harta Pusaka Menunggu Dituntut iaitu harta pusaka dalam bentuk tunai yang belum dapat diselesaikan

pentadbirannya atau diagihkan kepada waris-waris yang berhak atas sebab :

- i. Waris gagal dihubungi atau tidak dapat dikenal pasti, masalah alamat dan lokasi tempat tinggal terkini tidak lengkap;
- ii. Tidak mendapat kerjasama waris yang lain untuk membantu mengesan waris;
- iii. Waris sah tidak mengetahui atau mendapat maklumat mengenai hak mereka dalam harta pusaka;

Sehingga 28 Februari 2010, jumlah Harta Pusaka Menunggu Dituntut ini ialah sebanyak **RM72 juta**. Ianya dilaburkan pada instrumen pelaburan yang dibenarkan mengikut Akta Pemegang Amanah 1949.

Amanah Raya Berhad sentiasa mengoptimumkan pelbagai usaha dan inisiatifnya bagi mengesan waris sah termasuk mendapatkan bantuan daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan mengiklankannya di dada akhbar dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

